


Jilid 1
Bil. 67



Hari Selasa
26hb Jun, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7277]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 7317]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1979 [Ruangan 7317]

Jawatankuasa—

Maksud P. 31 [Ruangan 7333]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI (DR) DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

.. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

.. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

.. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

.. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

.. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

.. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

.. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

.. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

.. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- .. Menteri Perusahaan Utama, **TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- .. Menteri Perusahaan Awam, **DATUK ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).**
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).**
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, **DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, **DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, **DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, **DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- .. Timbalan Menteri Kewangan, **DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).**
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- .. Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- .. Timbalan Menteri Kewangan, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).**
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).**
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, **TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).**
- .. Timbalan Menteri Penerangan, **DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- .. Timbalan Menteri Pertanian, **DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).**
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, **DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).**
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).**
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).**
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).**
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).**

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- .. TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

.. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

.. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

.. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

.. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

.. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).

.. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

.. TUAN V. DAVID (Damansara).

.. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

.. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

.. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

.. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

.. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

.. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).

.. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

.. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

.. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

.. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

.. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).

.. TUAN HUSSEIN BIN MAIHOOD (Tanah Merah).

.. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

.. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

.. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).

.. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

.. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

.. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

.. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

.. TUAN MARK KODING (Kinabalu).

.. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

.. TUAN LEE KAW (Keluang).

.. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

.. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

.. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

.. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

.. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

.. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).

.. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).

.. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

.. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

.. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 26hb Jun, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**ORANG TAHANAN DI BAWAH AKTA
KESELAMATAN DALAM NEGERI**

1. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa kalikah Lembaga Penasihat telah memperakukan pembebasan orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak Akta tersebut dikuatkuasakan dan berapa kalikah perakuan-perakuannya ditolak, dengan memberikan alasan-alasan utama mengapa penolakan ini dibuat.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Dewan yang mulia ini kerana pada hari semalam sudah timbul satu kekeliruan sehingga soalan yang kelima yang muncul dalam kertas Aturan Urusan Mesyuarat untuk dijawab mulut tidak terjawab. Jadi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan soalan ini dikemukakan semula untuk jawapan.

Berkenaan dengan jawapannya, tugas Lembaga Penasihat ini adalah tertera di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri dan tidak payah saya jawab saya rasa, dan saya minta izin Tuan Yang di-Pertua tidak menjawab bahagian yang kedua daripada soalan itu di atas sebab-sebab rahsia mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (f).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

AJENSI PEKERJAAN SWASTA

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa lebih kurang 300 pencari kerja di Sungei Petani telah ditipu baru-baru ini oleh apa yang dinamakan agensi-agensi pekerjaan dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil setakat ini ke atas perkara ini; dan
- (ii) apakah langkah-langkah yang dirancarkan oleh Kerajaan bagi menentukan bahawa pencari-pencari kerja tidak menjadi mangsa agensi-agensi pekerjaan palsu di negara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, sukacita saya memaklumkan bahawa

- (i) Kementerian itu secara amnya memanglah sedar adanya pencari-pencari kerja yang tidak puashati dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diberi oleh agensi-agensi pekerjaan swasta. Walaupun begitu Kementerian itu masih belum menerima aduan yang khusus berkenaan dengan 300 orang pencari kerja di Sungei Petani yang dikatakan telah ditipu oleh agensi pekerjaan swasta itu. Kementerian itu berharap mereka yang berkenaan itu boleh tampil ke hadapan untuk membuat laporan-laporan yang specific supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil tentang laporan tersebut.
- (ii) Memandangkan bertambah banyaknya aduan-aduan yang diterima berkenaan dengan perjalanan agensi pekerjaan swasta itu, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengambil beberapa langkah untuk mengelakkan pencari-pencari kerja terus ditipu oleh

agensi-agensi pekerjaan yang tidak bertanggungjawab. Kementerian ini sedang bekerjasama rapat dengan pihak Pendaftaran Perniagaan dalam perkara ini. Di samping itu Kementerian ini telah juga mengadakan satu dialog dengan agensi-agensi pekerjaan swasta pada 18-1-1979, bagi tujuan mengkaji dengan mendalam kegiatan-kegiatan agensi-agensi pekerjaan swasta itu. Kementerian ini sedang menimbang-cadangan mengadakan satu undang-undang bagi melesen dan mengawal semua agensi-agensi pekerjaan swasta yang bergerak di dalam pasar buruh kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab bahawa Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu undang-undang untuk melesen dan mengawal semua agensi-agensi pekerjaan. Ini adalah satu langkah yang baik. Tetapi saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Menteri menjawab bagi pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tentang bilakah Kerajaan dapat mengadakan satu rang undang-undang berkenaan dengan hal ini memandangkan bertambah banyaknya aduan-aduan tentang tipu helah yang dilakukan oleh agensi-agensi pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah jawab tadi oleh sebab banyaknya aduan-aduan sudah diterima satu undang-undang akan diadakan. Kalau hendak tanya bila, boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Ya, bila.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak dapat menentukan bila undang-undang ini akan diadakan. Walau bagaimanapun Kementerian itu sedang mengkaji perkara ini dengan kerjasama rapat Pendaftar Perniagaan oleh kerana setakat ini agensi-agensi ini hanya didaftarkan di bawah Akta Syarikat sahaja dan bukan di bawah undang-undang yang lain, barangkali peruntukan-peruntukan yang sedia ada tidak mencukupi untuk mengawal mereka dengan rapinya.

RHODESIA—PENDIRIAN MALAYSIA

3. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Luar Negeri menyatakan

apakah pendirian Malaysia terhadap Rhodesia apabila Kerajaannya melantik Perdana Menteri dari golongan orang kulit hitam buat pertama kalinya selepas pilihanrayanya baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia terhadap pilihanraya Rhodesia dan Kerajaan Muzorewa/Smith dapat dibayangkan oleh pendirian yang diambil oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan Biro Penyelaras Negara-negara Berkecuali. Kedua-dua badan antarabangsa itu mengharamkan pilihanraya Rhodesia. Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu telah bersidang untuk membincangkan masalah Rhodesia pada 24 Mei, 1979 dan bersetuju untuk mengharamkan Kerajaan baru Rhodesia.

Biro Penyelaras Negara-negara Berkecuali yang telah bersidang di Colombo pada awal bulan ini menganggap pemerintahan baru Rhodesia itu tidak sah kerana Kerajaan itu dibentuk akibat dari pilihanraya April, 1979 yang tidak boleh diestuai, sebab ianya bertujuan untuk memperkukuhkan lagi pemerintahan golongan kecil yang berkulit putih.

Biro itu juga berpendapat bahawa pembentukan pemerintahan baru ini tidak akan mendatangkan penyelesaian muktamad bagi masalah Rhodesia dan menyeru kepada semua negara-negara lain supaya jangan memberikan sebarang pengiktirafan kepada pemerintahan baru itu selaras dengan resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan Biro Penyelaras Negara-negara Berkecuali mengambil pendirian adalah:

- (1) pilihanraya itu tidak dijalankan sebagaimana yang biasanya dilakukan, iaitu satu orang satu undi kerana ketiadaan pengundi-pengundi yang berdaftar;
- (2) semasa pilihanraya diadakan 85% daripada negara itu adalah di bawah pemerintahan tentera;
- (3) terdapatnya pondok undi yang berlainan bagi orang berkulit putih dan orang berkulit hitam;

- (4) gabungan kebangsaan (patriotic fund) yang mempunyai sokongan terbesar serta majority golongan kulit hitam yang diakui oleh umum, Bangsa-bangsa Bersatu serta Organisation of African Unity (OAU) sebagai pergerakan pembebasan Rhodesia yang tulin telah memulaukan pilihanraya itu; dan
- (5) di dalam pembentukan pemerintahan baru itu semua jawatan-jawatan penting seumpama pertahanan, undang-undang kewangan dan hal ehwal luar adalah dipegang oleh orang-orang berkulit putih.

Oleh sebab-sebab yang demikian, pilihanraya yang dilakukan baru-baru ini di Rhodesia ialah satu-satunya pilihanraya yang bukan sahaja tidak boleh direstui malah ianya merupakan satu helah bagi golongan kulit putih untuk terus berkuasa di Rhodesia.

DADAH—PENYALAHGUNAAN DI IKM MARA

4. Puan Sharifah Dorah binti Mohammed (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Institiut Kemahiran MARA di Kampung Pandan, Kuala Lumpur telah ditutup buat sementara kerana penyalahgunaan dadah di kalangan penuntut-penuntutnya dan sejauh manakah langkah telah diambil untuk menghapuskan penyalahgunaan dadah di kalangan penuntut-penuntutnya dan jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa Institiut Kemahiran MARA di Kampung Pandan telah ditutup buat sementara waktu. Arahan menutup Institiut itu dibuat pada 25.4.1979. Pihak berkuasa IKM telah mendapati penyalahgunaan dadah di kalangan penuntut-penuntut. Sebagai langkah-langkah segera yang dijalankan bagi mengatasi perkara ini satu sistem tatatertib dan disiplin yang lebih ketat telah dikenakan kepada penuntut-penuntut. Malangnya sebahagian pelajar telah salah terima dan menentang serta menghasut pelajar-pelajar lain mengadakan tunjuk perasaan.

Setelah meneliti perkara ini saya mendapati perlu Institiut ini ditutup buat sementara waktu dan pemilihan semula penuntut-penuntut diadakan. Ini ialah bagi memastikan penuntut-penuntut yang benar-benar dedikasi dan bersungguh-sungguh sahaja diterima belajar di Institiut ini.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sama ada MARA sedar atau tidak institiut ini dibina tanpa mencukupi alat-alat tempat tinggal sehinggakan murid-murid yang belajar di institiut ini menyewa bersepah-sepah di seluruh kawasan Kampung Pandan, di kawasan-kawasan setinggian dan di meratarata tidak ada kawalan. Kalau sedar, apakah rancangan pihak Kerajaan atau pihak MARA bagi mengatasi perkara ini selain daripada menyeru dan hendak memilih penuntut yang berdedikasi dan sebagainya.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi di dalam kita menyusun semula Institiut Kemahiran MARA ini iaitu dengan mengadakan sistem-sistem yang tertentu dari segi tatatertib am dan sebagainya. Perkara-perkara ini akan diambil perhatian.

KOKO—UNDANG-UNDANG MELESEN PENIAGA

5. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pertanian menyatakan memandang kepada perkembangan perindustrian koko di negara kita dengan sebegitu cepat, sama ada langkah-langkah sedang diambil untuk mengujudkan undang-undang melesen peniaga-peniaga biji-bijian koko mentah serupa dengan lesen-lesen yang dikeluarkan kepada peniaga-peniaga di dalam perindustrian getah agar dapat diadakan kawalan yang rapi terhadap kecurian-kecurian atau kecurian secara kecil-kecilan di ladang-ladang koko.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bercadang untuk mengeluarkan lesen kepada peniaga-peniaga koko yang bertujuan untuk menstabilkan harga dan sebagai kawalan terhadap perbuatan-perbuatan yang tidak diingini. Perkara

ini sedang dikaji dengan mendalam oleh pihak FAMA.

KEDAI RUNCIT UBAT DIGELEDAH

6. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan kedai runcit ubat yang telah digeledah dan didakwa kerana menjual secara haram ubat-ubat yang dianggap sebagai racun bagi 12 bulan yang lalu;
- (b) sama ada Kerajaan dapat menentukan sumber pembekalan racun itu, dan sama ada pembekal-pembekal itu disiasat dan didakwa; dan
- (c) bagaimana Kerajaan mentakrifkan perkataan orang-orang yang "fit and proper" yang boleh diberi lesen berjenis C dan D di bawah Ordinan Racun 1952 Seksi 22 (2) (c) dan (d). Adakah kedai-kedai runcit ubat yang ada sekarang berkelayakan untuk memegang lesen-lesen itu, khususnya di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai seorang pharmacist.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebanyak 200 kedai runcit ubat telah digeledah kerana disyaki menjual racun-racun berjadual dalam masa 12 bulan yang lalu. Dakwaan atas kesalah-kesalahan ini adalah dilaksanakan oleh pihak polis.
- (b) Kerajaan tidak dapat menentukan sumber pembekalan racun-racun itu sebab tidak ada kerjasama dari pekedai-pekedai ubat runcit yang terlibat.
- (c) Sesiapa yang mempunyai pengetahuan yang cukup berkenaan dengan keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam Ordinan dan Peraturan-peraturan Racun terutamanya mengenai syarat-syarat jualan, menyimpan rekod, melebel, pengangkutan dan penyimpanan racun boleh dipertimbangkan sebagai orang yang "fit and proper" yang boleh diberi lesen racun jenis D di bawah seksyen 22 (2) (d) Ordinan berkenaan. Kedai-kedai runcit ubat yang

memenuhi keperluan-keperluan tersebut boleh dianggapkan sebagai berkelayakan untuk memegang lesen racun jenis D. Kerajaan tidak mengeluarkan lesen racun jenis C lagi sebab itu ada racun yang dikawal sebagai Kumpulan F dalam Perintah Senarai Racun sekarang.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengatakan bahawa sukar bagi Kerajaan untuk menentukan sumber pembekalan racun kerana peruncit-peruncit tidak memberi kerjasama. Saya ingin tahu apakah pihak Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dengan kerjasama badan-badan yang lain bercadang hendak mengambil tindakan terhadap pekedai-pekedai runcit yang bersikap demikian.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, itulah seperti saya katakan tadi 200 pekedai-pekedai ini telah didakwakan oleh pihak Polis.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. D daripada penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya penjualan racun ini memanglah terkawal dengan adanya lesen-lesen tertentu tetapi adakah Kementerian sedar bahawa akhir-akhir ini satu perkara yang tidak diingini telah terjadi di Kedah sehingga berpuluh-puluh orang terkena racun hasil daripada taburan racun padinya. Kalau sedar, adakah tindakan-tindakan tertentu terpaksa diambil kepada pekedai-pekedai ataupun mereka yang menjual racun tersebut.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar atas perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi sebagai racun-racun yang berupa racun industrial ataupun agricultural mereka yang dibenarkan menjual racun-racun ini mereka yang diberi lesen D, iaitu mereka yang diberi kebenaran menjualkan racun non-medical, iaitu industrial seperti agricultural dan lain-lain. Walau bagaimanapun, saya bersukacita jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi information yang spesifik supaya perkara ini dapat diambil perhatian dan tindakan yang selanjutnya akan diambil.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat begitu banyak orang yang telah didakwa di Mahkamah tentang racun itu dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun telah berkata sumbernya tidak boleh ditentukan, adakah kemungkinan kedai-kedai runcit ini mendapat bekalan mereka melalui penyeludupan ataupun melalui wholesaler yang berlesen.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinannya ada bahawa kedai-kedai runcit ini mendapat bekalan daripada pihak-pihak yang menyeludup kerana mengikut siasatan yang dibuat oleh Kementerian ini dari semasa ke semasa kepada wholesalers dan retailers buku-buku mereka telah menunjukkan bahawa tidak ada bukti yang kita dapati bahawa mereka telah menjualkan racun-racun ini dengan cara haram.

DAFTAR PEMILIH BARU— PENYEMAKAN

7. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan bilakah urusan pendaftaran dan penyemakan semula pengundi-pengundi untuk tahun 1979 akan dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangkakan urusan tersebut akan diadakan dalam bulan September yang akan datang.

PEMAJU PERUMAHAN—ADUAN PEMBELI

8. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian beliau menerima banyak aduan tentang pemaju-pemaju perumahan. Jika ya, apakah kandungan yang terdapat dari aduan dan apa telah dibuat mengenai aduan-aduan yang telah diterima.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya ada menerima banyak aduan daripada para pembeli. Aduan-aduan ini adalah berbagai jenis seperti aduan-aduan mengenai kecacatan atau pertukangan yang kurang baik, kelewatan penyerahan rumah, kelewatan penyerahan suratan hakmilik,

kenaikan harga, wang tempahan, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan lain-lain.

Seperti yang saya telah terangkan kerap kali dalam Dewan yang mulia ini, kebanyakan aduan daripada pembeli-pembeli rumah melibatkan pada biasanya pertikaian-pertikaian antara pemaju dan pembeli di atas obligasi-obligasi kontrak, yang pada akhirnya harus diselesaikan di mahkamah. Sungguhpun demikian Kementerian saya boleh dan dapat memainkan peranan yang penting dengan menjalankan tugas-tugas perantaraan di antara pihak-pihak yang terlibat supaya sebarang pertikaian dapat diselesaikan secara perundingan atau tolak ansur.

Selain daripada itu, Kementerian saya juga menyelidik aduan-aduan tersebut bagi menentukan atau melihat secara keseluruhannya tentang sejauh mana pihak pemaju menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan urusan perumahan. Tindakan-tindakan pentadbiran boleh diambil terhadap pemaju tersebut jika difikirkan perlu.

Aduan-aduan mengenai kelewatan mendapat surat hakmilik, kecacatan dan kemudahan infrastruktur juga melibatkan lain-lain badan Kerajaan seperti pihak berkuasa-pihak berkuasa tempatan, pihak-pihak perancangan dan pejabat-pejabat tanah dan Kementerian saya adalah menjalankan tugas-tugas penyelesaian bagi menyelesaikan aduan-aduan tersebut.

Sebanyak 559 aduan diterima dalam tahun yang lalu dan bilangan pemaju yang terlibat ialah 388. Setakat ini sebanyak 300 aduan telah dapat diselesaikan. Bilangan aduan yang diterima dalam tahun ini telah meningkat. Sebanyak 503 aduan telah diterima setakat akhir bulan Mei dan sebanyak 100 aduan telah dapat diselesaikan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa bilangan anggota pengawasan dan penguatkuasa yang ada sekarang didapati tidak lagi sesuai bagi keadaan sekarang, memandangkan bahawa aduan-aduan dan pertanyaan-pertanyaan yang diterima dalam bulan-bulan yang lalu ini telah berlipatganda dan mungkin akan terus meningkat. Tindakan sekarang sedang diambil untuk menyusun

semula pihak pengawasan dan penguatkuasa dan menambahkan lagi anggotanya supaya penyiasatan dan penyelesaian aduan-aduan dapat berjalan dengan lebih berkesan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa salah satu langkah yang akan diambil untuk mengatasi segala aduan-aduan tentang pemaju-pemaju perumahan ialah dengan mengadakan satu Perjanjian Penjualan Standard (Standard Sale Agreement). Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu setakat mana Kerajaan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan dengan kerjasama dari pihak swasta telah mencapai apa yang dinamakan Standard Sale Agreement.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar di dalam masalah Standard Sale Agreement ini yang mana pemaju perumahan dan Kementerian saya sentiasa mengadakan mesyuarat dan sekarang ini di dalam proses untuk hendak mengadakan Standard Sale Agreement itu. Apakala kedua-dua pihak ini telah dapat kita rundingkan dengan baik, dengan secara keadilan, maka perkara itu dapatlah dilaksanakan dan bolehlah harus barangkali masa ke hadapan ini mengurangkan sedikit aduan-aduan yang akan diterima oleh Kementerian saya.

PEMAJU PERUMAHAN—SURATAN HAKMILIK

9. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar ramai pemaju-pemaju perumahan telah gagal memperolehi dan memberi surat hakmilik individu kepada pembeli-pembeli yang telah membeli rumah mereka dari pemaju-pemaju berkenaan tujuh atau lapan tahun dahulu; jika ya, nyatakan langkah-langkah Kementeriannya bercadang mengambil untuk memaksa pemaju-pemaju seumpama ini mendapatkan surat hakmilik individu supaya memperbaiki keadaan ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa beberapa pemaju-pemaju perumahan belum lagi mengeluarkan surat hakmilik berasingan kepada pembeli-pembeli yang berkenaan. Masalah kelewatan mendapat surat hakmilik adalah rumit dan melibatkan beberapa badan Kerajaan seperti

penguasa-penguasa tempatan, pihak-pihak perancangan dan pejabat-pejabat tanah. Tiap-tiap Surat Perjanjian Jualbeli adalah menyentuh perkara ini dan biasanya mempunyai peruntukan-peruntukan yang memerlukan pemaju-pemaju perumahan menggunakan segala daya upayanya dan mengambil segala langkah-langkah yang perlu bagi mendapatkan surat hakmilik berasingan dan menyempurnakan surat hakmilik kepada pembeli.

Apabila Kementerian saya menyiasat dan meneliti aduan-aduan seperti ini, tujuan utamanya ialah untuk menentukan sama ada pemaju yang berkenaan telah sungguh-sungguh berusaha untuk memperolehi surat hakmilik berasingan ataupun telah melakukan sesuatu yang tidak diinginkan. Ini adalah sebab ada kemungkinan seorang pemaju akan mencagar atau menggadai hakmilik asal atau "main title" untuk mendapat pinjaman daripada bank supaya ianya dapat melancarkan projek perumahan yang lain. Mereka adalah diminta membuktikan bahawa segala langkah-langkah telah diambil untuk mempercepatkan usaha-usaha mereka bagi mendapat surat hakmilik berasingan.

Kementerian saya telah menyiasat banyak aduan seperti ini dan didapati bahawa sungguhpun kesemua pemaju yang terlibat telah mengambil langkah-langkah yang sesuai mereka telah menghadapi kesulitan-kesulitan yang benar, yang tidak dijangka dan diluar kawalan mereka, yang melewatkan pengeluaran surat hakmilik berasingan.

TOPI KELEDAR—PEMAKAIAN

10. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa mengikut jawapan Timbalan Menteri Pengangkutan dalam Dewan ini pada 23hb Mac, 1979 mengatakan penguatkuasaan pemakaian topi keledar, bukanlah untuk mengurangkan kemalangan tetapi untuk mengurangkan kecederaan di kepala dan maut. Oleh itu apakah pihak Menteri Pengangkutan sedar bahawa pemakaian topi keledar boleh menambahkan kemalangan, kerana penunggang motosikal tidak dapat mendengar kenderaan lain yang datang dari belakang walaupun dibunyikan horn dan juga tidak dapat mendengar enjin motosikalnya

serta desiran angin di telinga menjadikan penunggang itu menunggang lebih laju lagi. Jika sedar, bolehkah beliau memberitahu statistik kemalangan motosikal di jalanraya setahun sebelum dan setahun selepas penguatkuasaan pemakaian topi keledar itu di seluruh Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Saya tidak dapat bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa memakai topi keledar boleh menyebabkan bertambahnya kemalangan jalanraya di kalangan penunggang dan penumpang motosikal kerana saya tidak ada perangkaan yang membuktikan perkara tersebut. Sebenarnya undang-undang topi keledar itu telah dapat memberi faedah yang besar bagi mengurangkan kematian dan kecederaan parah terhadap penunggang-penunggang dan penumpang motosikal. Di samping mematuhi undang-undang topi keledar, penunggang motosikal adalah

diwajibkan juga mematuhi undang-undang lalulintas yang lain tatkala berada di jalanraya. Umpamanya penunggang-penunggang motosikal adalah dikehendaki sentiasa mengikut jalan di sebelah kiri. Apabila hendak memotong atau membelok ke kanan ianya perlu menggunakan "rear view mirror" dan memberi isyarat-isyarat yang tertentu sebelum berbuat demikian. Oleh yang demikian soal sama ada seseorang penunggang motosikal itu perlu dapat mendengar bunyi kenderaan lain yang datang dari belakang tidak timbul kerana ia boleh melihatnya melalui "rear view mirror".

Mengenai kemungkinan penunggang itu menunggang dengan lebih laju disebabkan tidak mendengar desiran enjin, saya rasa perkara ini juga tidak timbul kerana had laju bukanlah dihitungkan dengan perasaan kerana setiap motosikal dilengkapi dengan sebuah speed meter.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, statistik-statistik yang ada membuktikan bahawa Peraturan Topi Keledar telah berjaya mencapai tujuannya.

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Motosikal</i>	<i>Kadar bagi tiap-tiap 10,000 motosikal</i>	
		<i>Kemalangan</i>	<i>Mati</i>
1974 (Sebelum Undang-undang)	611,822	327.7	12.7
1977	951,081	226.1 (—45%)	8.7 (—46%)

Ini menunjukkan bahawa tahun selepas undang-undang ini dikuatkuasakan, kadar kematian akibat kemalangan motosikal telah berkurangan 46%.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun kenyataan saya di sini tidak diakui oleh pihak Timbalan Menteri tetapi apakah pihak Timbalan Menteri bercadang iaitu penunggang-penunggang motosikal itu memakai topi keledar yang boleh nampak telinga atau boleh mendengar segala apa yang berlaku dan boleh orang mengecam muka orang yang memakai topi keledar itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab soalan itu.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu

Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan masalah apabila penunggang memakai topi keledar kalau hendak lihat apa yang berlaku di belakang melalui cermin di sebelah depan. Adakah pihak Kementerian menetapkan iaitu tiap-tiap motosikal mempunyai cermin hadapan kegunaannya untuk melihat apa yang berlaku di belakang?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal cermin adalah di luar daripada soal topi keledar. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap motosikal diperlukan mengadakan cermin yang disebutkan.

RUMAH MILIK SENDIRI

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (i) sejauh manakah Kerajaan telah berjaya menolong rakyat mencapai suatu demokrasi memiliki rumah sendiri;
- (ii) adakah beliau sedar bahawa hanya orang-orang kaya sahaja yang mampu memiliki rumah sendiri pada masa sekarang sementara orang-orang yang miskin dan golongan-golongan yang berpendapatan sederhana mendapati semakin sukar hendak membeli rumah.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (i) ialah dari segi perumahan, hasrat Kerajaan ialah untuk terus membina lebih banyak lagi rumah kos rendah dan memberi galakan-galakan yang tertentu supaya rakyat di negara ini akan dapat menikmati rumah yang selesa. Kerajaan yakin hasrat ini akan dapat dicapai memandangkan usaha yang bersungguh-sungguh yang telah dan akan dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan bagi mencapai matlamat tersebut. Sehingga akhir tahun 1978 sejumlah 65,936 yunit rumah telah dibina oleh agensi-agensi Kerajaan manakala 68,051 yunit lagi adalah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Rumah-rumah yang dibina itu sebahagian besarnya adalah ditujukan kepada golongan berpendapatan rendah.

Bagi menjawab soalan (ii) ialah saya memang sedar bahawa ada orang-orang yang miskin dan golongan yang berpendapatan sederhana mendapati sukar hendak membeli rumah pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, tidak kesemua mereka daripada golongan ini tidak berpeluang untuk membeli atau menikmati kemudahan perumahan yang selesa. Bagi menolong golongan yang tidak berkemampuan ini maka Kerajaan telah menambahkan lagi peruntukan kepada sektor awam di bawah kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga ini membina lebih banyak rumah. Bagi program perumahan awam kos rendah sahaja yang dikendalikan oleh Kementerian saya peruntukan telah ditambah daripada \$480 juta kepada \$663.4 juta. Sasaran yunit yang akan dibina juga telah ditambah daripada 62,000 kepada 73,500 yunit.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan iaitu selepas Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan akan menambahkan lagi projek untuk rancangan rumah murah iaitu di sektor awam iaitu badan-badan agensi Kerajaan, saya hendak bertanya adakah Kementerian boleh meluluskan pinjaman untuk sektor rumah murah itu sekiranya diusahakan oleh sesuatu badan ko-op bersatu dan sebagainya?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kepada badan-badan ko-op tidak ada, hanya yang ada dalam rancangan skim yang lain termasuk dalam peruntukan yang disediakan itu iaitu apa yang dinamakan skim pinjaman perumahan murah rakyat (revolving fund) yang ada peruntukan dalam Kementerian saya —bagi pihak Ko-op tidak ada.

Tuan Lee Lam Thye: Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa satu rintangan atau halangan yang besar terhadap kejayaan menolong rakyat khususnya rakyat miskin untuk mencapai satu demokrasi memiliki rumah sendiri ialah keengganan Kerajaan untuk mengambil langkah untuk menjual rumah kos murah, misalnya, rumah pangsa di Bandaraya, Kuala Lumpur kepada penghuni. Sekiranya pihak Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar saya ingin bertanya samada pihak Kerajaan akan menimbangkan semula satu syor untuk mengambil langkah untuk menjual rumah-rumah kos rendah kepada penghuni-penghuninya.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar rumah-rumah sebagaimana soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah umum, tetapi saya jangka mengenai dengan rumah murah itu mestilah dijual kepada penghuni itu bermakna home-owning democracy, tetapi kerana seperti saya telah jawab tadi iaitu Kerajaan sentiasa hendak mendirikan banyak rumah. Masalahnya ialah rumah itu kalau dijual, maka harganya yang hendak dijual balik oleh mereka yang berpendapatan rendah yang pertama harganya tinggi. Jadi kalau tidak dijual harganya itu rendah. Yang kedua, rumah itu apakala dijual kepada penghuni rumah itu dijual kepada orang lain.

Jadi itulah penyelidikan yang kita dapati pada peringkat ini—ada kita jual dan ada yang kita tidak jual, tengok tempat atau locality dengan keadaan-keadaan yang semacam itu. Walau macam mana pun, rancangan perumahan awam kos rendah yang begitu banyak yang kita dirikan itu, jadi kita pada peringkat ini memerlukan terutamanya dalam bandar disewakan terlebih dahulu

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri samada beliau sedar bahawa hari ini orang-orang miskin dan golongan-golongan sederhana yang berpendapatan sederhana dapat memiliki rumah ialah dengan kerana adanya dasar Kerajaan membina rumah murah untuk rakyat dan juga dengan adanya dasar Kementerian Kewangan memberikan pinjaman dengan hanya membayar 4% faedah kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan kurangnya mereka itu dapat membeli rumah kerana pihak swasta tidak mengadakan rumah-rumah murah ataupun rumah kos rendah kepada rakyat. Jadi jika sedar apakah rancangan ataupun galakan yang akan diberikan oleh Kementerian ini supaya pihak swasta juga mengambil daya usaha untuk membina rumah-rumah kos rendah untuk rakyat.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pihak swasta membuat rumah-rumah itu ada kita memberikan kelonggaran mengenai lesen pemaju perumahan. Jadi mana pemaju perumahan yang hendak mendirikan rumah yang di bawah daripada harga \$25,000 satu unit maka kelonggaran ini diberikan kepada pemaju berkenaan. Itulah rancangan yang ada dalam Kementerian saya.

RANCANGAN TV—LAPORAN KEGIATAN RAKYAT

12. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian bercadang mengemukakan lebih banyak masa untuk melaporkan kegiatan rakyat negara ini melalui TV daripada yang ada pada hari ini supaya menggantikan masa yang digunakan untuk siaran cerita-cerita khayalan berbahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Leong Sik): Tuan Yang di-Pertua, adalah

menjadi matlamat R.T.M. bagi menambahkan siaran yang melaporkan kegiatan rakyat negara ini melalui TV, terutama rancangan-rancangan mengenai peranan rakyat dalam pembangunan negara. Cerita-cerita khayalan yang didapatkan dari luar negeri mempunyai nilai hiburan dan pendidikan. Cerita-cerita khayalan itu diterbitkan berasaskan kepada perkembangan sains dan teknologi dalam dunia ini. Ia akan dapat memperkembangan pemikiran manusia tentang kemungkinan-kemungkinan yang boleh berlaku. Ada cerita-cerita yang menjadi khayalan pada satu masa dahulu telah menjadi fakta pada zaman ini terutamanya cerita-cerita mengenai sains fiction.

LEMBAGA TATATERTIB SEKOLAH (GURU-GURU)

13. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar sejak ditubuhkan Lembaga Tatatertib Guru di sekolah-sekolah tidak terdapat apa-apa kesan bagi meninggikan taraf perkhidmatan perguruan di sekolah-sekolah, terutama di sekolah-sekolah yang bilangan guru-gurunya terlalu kecil, jika ya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk memansuhkan sahaja Lembaga Tatatertib Guru di peringkat sekolah-sekolah dan akan menubuhkannya di peringkat negeri-negeri sahaja; dan nyatakan juga sehingga ini berapakah jumlah kes-kes yang telah diambil tindakan oleh Lembaga Tatatertib Guru-guru sejak ditubuhkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya sejak ditubuhkan Lembaga Tatatertib Sekolah (Guru-guru) disiplin dan prestasi guru-guru telah bertambah baik. Bagaimanapun terdapat juga kelemahan dari segi perlaksanaannya terutama di sekolah-sekolah kecil dan pendalaman. Kementerian sedang mengkaji kedudukan Lembaga Tatatertib ini dan ada kemungkinan Lembaga ini akan dirombak semula jika perlu. Sehingga ini jumlah kes tatatertib yang telah diambil tindakan oleh Lembaga Tatatertib Guru-guru mengikut rekod Kementerian ialah sebanyak 611 kes.

KAYU BALAK TANAMAN SEMULA

14. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan

adalah menjadi dasar Kementerian beliau supaya sebahagian daripada hutan-hutan yang mengeluarkan kayu balak ditanam semula dengan kayu balak yang cukup bagi kegunaan masa depan. Jika ya, setakat hari ini berapa luaskah penanaman semula telah dijalankan. Dan apakah jenis-jenis kayu yang telah ditanam semula tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaannya Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk melaksanakan usaha-usaha pembangunan, pemulihan dan menghidupkan semula kawasan-kawasan yang telah diusahakan dalam kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal dengan berpandukan kepada amalan silvikultur yang sempurna dan berpatutan supaya pengeluaran kayu balak dan lain-lain keluaran hutan dapat dijamin pada masa akan datang.

Ada beberapa jenis rawatan dijalankan berdasarkan kepada keadaan kawasan hutan yang telah dibalok atau diusahakan itu. Bagi kawasan-kawasan di mana anak benih semulajadi dari jenis berharga didapati dengan mencukupi, rawatan silvikultur dijalankan dengan menebang atau meracun pokok-pokok yang tidak dikehendaki bagi menggalakkan anak-anak benih semula jadi dapat tumbuh dengan baik. Sementara dalam kawasan-kawasan yang "miskin" tanaman mengaya (enrichment planting) dijalankan dengan jenis-jenis tempatan seperti berbagai jenis Meranti. Di samping itu ladang-ladang jenis umbur (jenis tumbuh cepat) seperti Pinus Caribea juga telah ditubuhkan di kawasan-kawasan yang sesuai dengan tujuan bagi membekalkan bahan-bahan mentah, khususnya untuk kilang-kilang palpa dan kertas.

Kerajaan Persekutuan telahpun bersetuju pada dasarnya untuk membiayai perbelanjaan bagi menjalankan operasi-operasi menghidupkan semula kawasan Hutan Simpan Kekal di negeri-negeri dengan syarat pengurusannya dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Persekutuan. Syarat ini diadakan, untuk menentukan bahawa setelah penanaman modal dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, maka kawasan-kawasan hutan itu diberi jaminan supaya tidak diambil untuk kegunaan lain sekurang-kurangnya sehingga kawasan itu mencapai genap tempoh bagi mengeluarkan

hasil yang penuh. Berhubung dengan ini, Kementerian saya sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan satu "persefahaman" bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dan operasi bagi membangunkan semula kawasan-kawasan hutan Simpan Kekal yang telah dibalok bagi kepentingan negara pada masa hadapan.

Kerajaan juga telah mensyaratkan kepada pihak-pihak swasta supaya menanam semula kawasan-kawasan hutan yang diberi kepada mereka, khususnya kepada syarikat-syarikat yang memperolehi kawasan-kawasan perjanjian yang lebih daripada 50,000 ekar. Kompleks-kompleks Perkayuan umpamanya disyaratkan mengamalkan sistem tebangan pilihan (selective management system) sejajar dengan dasar supaya bekalan kayu-kayan di negara kita terjamin buat masa-masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Semenanjung Malaysia hingga 31hb Disember, 1978 kemajuan menghidupkan semula untuk pemulihan hutan adalah seperti berikut:

Rawatan semulajadi	Silvikultur	681,162 ekar
Tanam Mengaya (enrichment planting)	33,408 ..
Ladang Hutan (plantation forest)	12,159 ..
Jumlah	<u>726,729 ..</u>

Menyedari tentang pentingnya usaha menanam semula hutan-hutan di negara kita, Kementerian saya sedar dan akan terus merancang untuk mempercepatkan lagi program ini dan sebagai langkah awal kerja-kerja banciaan hutan sedang dijalankan di kawasan-kawasan hutan yang telah dibalok atau rosak untuk menentukan jenis rawatan menghidupkan semula yang perlu dibuat untuk membolehkan kerja-kerja pembangunan hutan dilancarkan dengan segera.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah memberi tahu bahawa sebahagian besar daripada hutan-hutan yang telah ditebang itu ditanam semula ataupun diperbaiki, saya

ingin tahu pihak manakah pada masa ini yang bertanggungjawab dalam soal-soal penjagaan dan penyeliaan tanah-tanah yang terlibat tadi.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi bagi syarikat-syarikat yang mendapat lebih 50,000 ekar adalah menjadi tanggungjawab syarikat yang berkenaan untuk memastikan bahawa usaha menanam semula ini dijalankan oleh syarikat itu sendiri. Manakala yang kecil daripada itu adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan di bawah Kementerian saya bagi memastikan bahawa projek menanam semula ini dapat dijalankan dari semasa ke semasa.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan. Berapa buah syarikatkah yang 50,000 ekar ke bawah yang telah melanggar syarat-syarat untuk menanam semula setelah balaknya diambil, dan apakah langkah-langkah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, buat setakat ini belum ada lagi tindakan diambil.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana memandang kepada keadaan tanah yang agak sama antara negeri Thai dengan negeri-negeri yang berhampiran dengannya seperti Kedah, Perlis dan Kelantan, adakah Kementerian ini bercadang hendak menanam kayu-kayu jati di negeri-negeri itu termasuk di dalam apa yang diterangkan oleh Setiausaha Parlimen tadi.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengkaji kemungkinan ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, kalau dapat beliau memberi tahu Dewan yang mulia ini, daripada pokok-pokok yang ditanam semula—yang diberi tahu sebentar tadi, bilakah agaknya pokok-pokok ini dapat ditebang semula?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Untuk makluman Dewan ini, sesuatu penanaman semula itu biasanya mengambil masa di antara 20 hingga 30 tahun. Ini

bergantung bila pokok-pokok itu ditanam dan saya rasa selepas 20 tahun, pokok ini boleh ditebang semula.

GURU-GURU TERLATIH KEKURANGAN DI SARAWAK

15. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang bilangan guru-guru yang terlatih tidak mencukupi untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah dan rendah di Sarawak, dan jika ya, nyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar tentang kekurangan guru-guru terlatih di Sarawak di dalam matapelajaran-matapelajaran tertentu tetapi kekurangan ini adalah kecil, sama seperti yang terdapat di negeri-negeri lain di negara kita. Bagi sekolah rendah di Sarawak kekurangan yang terdapat ialah bagi guru Bahasa Malaysia dan bagi sekolah menengah pula kekurangan ialah bagi Guru Sains. Berikut adalah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan tersebut:

1. Menambah bilangan guru pelatih Bahasa Malaysia di Maktab Perguruan Rejang;
2. Menambah bilangan guru pelatih Sains di Maktab Perguruan Batu Lintang;
3. Menambah biasiswa/dermasiswa untuk pelajar-pelajar mengikuti kursus sains dengan Pendidikan di Universiti-universiti.

CUKAI PENDAPATAN—PENGECCUALIAN SYARIKAT

16. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah syarikat-syarikat yang telah menikmati pengecualian cukai bagi tahun 1978 dan amaun cukai yang dianggarkan yang patut dibayar sekiranya pengecualian cukai itu tidak diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut bagi tahun 1978.
- (b) daripada syarikat-syarikat ini nyatakan jumlah daripada mereka yang seratus peratus berorientasi eksport dan jumlah

bilangan daripada mereka yang membuat bahan-bahan untuk digunakan di pasar tempatan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan kepada taksiran-taksiran yang telah diselesaikan dan dipersetujui di dalam tahun 1978 di antara Jabatan Hasil Dalam Negeri dan syarikat-syarikat yang telah menikmati pengecualian cukai pendapatan, jumlah syarikat ialah 51 buah dan amaun cukai yang patut dibayar oleh syarikat-syarikat tersebut sekiranya pengecualian cukai tidak diberi ialah \$34.9 juta.
- (b) Daripada syarikat-syarikat ini jumlah yang seratus peratus berorientasi eksport ialah 11 buah, dan yang dikenakan syarat mengekspot sebahagian daripada keluaran adalah 15 buah, manakala yang lain-lainnya boleh disifatkan sebagai membuat keluaran untuk pasaran tempatan.

KELAS TINGKATAN ENAM DI TRENGGANU

17. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana memandangkan kelas-kelas Tingkatan Enam dalam negeri Trengganu sekarang cuma berada

<i>Aliran Inggeris</i>		<i>Aliran Kebangsaan</i>		<i>Jumlah</i>
<i>Sains</i>	<i>Sastera</i>	<i>Sains</i>	<i>Sastera</i>	
150	282	174	212	818

Jumlah ini boleh ditempatkan di sekolah-sekolah yang sedia ada. Pada tahun hadapan, jika bilangan calon ke tingkatan enam rendah bertambah, Kementerian Pelajaran akan membuka kelas-kelas baru.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri berkenaan tadi memberitahu di antara perkara-perkara yang perlu diambil perhitungan ialah soal bilangan murid-murid, bilik darjah dan peralatan dan beliau juga telah memberitahu bahawa pihak Kerajaan akan berusaha cuba mengadakan kelas-kelas tingkatan enam di semua daerah di negeri Trengganu. Soalan saya sebelum kelas-kelas tingkatan enam ini diadakan di tiap-tiap daerah, apakah setakat hari ini pihak

dalam dua daerah sahaja, iaitu Kuala Trengganu dan Dungun dan ini telah menimbulkan kesulitan bagi murid-murid dari daerah lain yang ingin memasuki ke Tingkatan Enam, adakah Kementerian ini bercadang untuk mengadakan kelas-kelas Tingkatan Enam dalam daerah-daerah lain. Jika tidak, mengapa.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, kelas-kelas tingkatan enam di Trengganu sekarang ini terdapat di dua buah sekolah di Kuala Trengganu, di sebuah sekolah di Dungun dan di sebuah sekolah di Besut. Murid-murid dari daerah lain boleh ditempatkan di asrama di Kuala Trengganu. Kementerian saya memang bercadang untuk mengadakan kelas tingkatan enam di semua daerah, tetapi ini bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:

1. Cukup bilangan murid yang layak memasuki tingkatan tersebut,
2. Kemampuan sesebuah sekolah dari segi
 - (a) bilik darjah.
 - (b) tenaga pengajar; dan juga
 - (c) alatan serta kelengkapan makmal.

Bilangan murid-murid yang telah mendapat tempat di tingkatan enam rendah di Trengganu adalah seperti berikut:

Kementerian Pelajaran telahpun mengambil langkah dalam perkara persiapan bilik-bilik darjah dan penyediaan peralatan ke arah kelas-kelas tingkatan enam.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada kemungkinan kita mengadakan lebih bilik darjah untuk menampung murid-murid bagi tahun hadapan tidaklah begitu diperlukan dengan segera oleh kerana bilangan murid-murid itu boleh lagi ditampung dengan keadaan sekolah-sekolah yang ada pada masa sekarang. Sekiranya bilangannya bertambah lebih daripada darjah-darjah kemungkinan murid-murid ini boleh ditukar belajar di

sekolah-sekolah menengah rendah di negeri lain. Tidak perlu di Trengganu sahaja.

KES-KES KE MAHKAMAH PERUSAHAAN

18. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah bilangan kes-kes yang telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan semenjak tahun 1970, berapa banyak daripada pemberian-pemberian ini telah dicabar oleh majikan-majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja dalam Mahkamah undang-undang dan keputusannya;
- (b) sama ada terdapat keperluan untuk memperbaiki pentadbiran dan fungsi-fungsi Mahkamah Perusahaan; dan
- (c) sama ada terdapat usaha-usaha untuk menambahkan bilangan Mahkamah Perusahaan di negara ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari tahun 1970 hinggalah ke akhir tahun 1978, sejumlah 1,126 kes-kes telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan. Dalam tempoh yang sama sejumlah 767 keputusan-keputusan telahpun diumumkan. Daripada jumlah ini hanya 48 keputusan (atau 6.3%) telah dicabar dengan cara "writ of Certiorari" di Mahkamah Tinggi—41 kes dibuat oleh majikan-majikan dan 7 kes yang lain dibuat oleh pekerja-pekerja atau kesatuan-kesatuan mereka.

Hasil keputusan rayuan tersebut seperti mana pada akhir tahun 1978 adalah seperti berikut:

Jumlah keputusan yang kalah (quashed):	10
Jumlah keputusan yang menang (upheld)... .. .	16
Jumlah kes-kes yang diketahui telah diselesaikan di luar Mahkamah	4

Jumlah kes-kes yang masih ditunggu (pending) pendengaran di Mahkamah Tinggi 18

- (b) Pada masa sekarang Kementerian saya sedang mengkaji kedudukan ini dan memandangkan kepada masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi, maka Kementerian saya sedang mempertimbangkan cadangan-cadangan tertentu bagi memperkemaskan lagi fungsi-fungsi Mahkamah Perusahaan untuk menentukan khasnya penyelesaian yang segera terhadap pertikaian-pertikaian perusahaan yang dikemukakan ke Mahkamah Perusahaan.
- (c) Sebuah bahagian tambahan kepada Mahkamah Perusahaan telah ditubuhkan di Pulau Pinang dalam tahun lalu dan dengan perlantikan seorang Pengerusi tetap di sana kelak, maka Mahkamah ini bersama-sama dengan 3 buah bahagian Mahkamah sekarang di Kuala Lumpur, akan boleh menjalankan tugasnya dengan lebih cepat lagi. Pada masa sekarang Mahkamah ini juga bersidang di Johor, negeri-negeri di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak supaya dapat mengurangkan kesukaran kepada orang-orang awam yang berkenaan. Kedudukan ini adalah sekarang ini di bawah kajian dari masa ke semasa dan jika timbul keperluan, maka perkhidmatan ini akan diperbesarkan lagi.

KEMATIAN FOONG MOON FEI

19. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Foong Moon Fei dari Pasir Pinji New Village, Ipoh telah ditembak dan mati pada kira-kira pukul 1.30 petang pada 4hb Mei, 1979 oleh DPC Abdul Aziz di Jalan Raja Omar, Sitiawan, Perak adalah semata-mata seorang yang dicurigai dan pada masa ia ditembak mati ia tidak mempunyai apa-apa senjata;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa pada masa itu bila DPC Abdul Aziz membuat tembakan yang membawa maut dan

membunuh Foong Moon Fei, si mati, pistolnya ditekan dan/atau menunjuk pada badan si mati itu bila ia sudah ditangkap dan digari;

- (c) sama ada beliau sedar bahawa tuduhan yang menunggang motosikal mengejar dan penembakan drama si mati yang tersebut itu adalah di hadapan orang ramai dan juga penuntut-penuntut sekolah yang pada masa itu pulang selepas sekolah dan adakah beliau perintah satu penyiasatan dibuat berkenaan dengan penembakan drama itu; dan
- (d) berapa ramai orang-orang yang disyaki telah ditembak atau ditembak mati oleh pegawai-pegawai polis di Daerah Dinding semenjak bulan Januari 1978.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa Foong Moon Fei semasa ia ditembak adalah sedang menyerang DPC Abdul Aziz bin Mahmud dengan menggunakan sebilah pisau tiga segi. Sebelum melepaskan tembakan ke arah si mati itu DPC Abdul Aziz telah memberi tembakan ke udara sebanyak 4 das sebagai amaran tetapi si mati itu terus juga menyerang DPC Abdul Aziz. Si mati itu adalah seorang penjenayah yang sangat dikehendaki bersabit dengan kegiatan-kegiatan jenayah samun dan pecah rumah di kawasan Dindings' Perak.

- (a) Adalah tidak benar yang DPC Abdul Aziz bin Mahmud menekankan pistolnya ke badan si mati yang telah digari semasa melepaskan tembakan. Tembakan tersebut adalah dilepaskan semasa simati belum lagi ditangkap.
- (b) Kejadian-kejadian kejar mengejar serta tembakan berlaku adalah di sebuah ladang getah dan bukan berlaku di khalayak ramai. Walau bagaimanapun siasatan mengenai perkara ini sedang dijalankan lagi.
- (c) Semenjak bulan Januari 1978 sehingga 1-6-79 ini, inilah kali yang pertama kejadian tembak menembak ke atas orang yang disyaki berlaku di daerah Dindings.

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA

20. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah semasa Singapura masih menjadi salah sebuah negeri dalam Malaysia, kanak-kanak yang dilahirkan di Singapura dari ibubapa rakyat Malaysia tidak diberi taraf kewarganegaraan Malaysia.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, anggapan Yang Berhormat adalah tidak tepat kerana mengikut Seksyen 1 (d) Bahagian 2, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, seseorang yang dilahirkan di Singapura pada atau selepas hari Malaysia dan salah seorang ibu atau bapanya semasa ia dilahirkan itu adalah warganegara Malaysia dan orang itu tidak dilahirkan sebagai warganegara oleh sebab yang lain daripada peruntukan ini adalah warganegara Malaysia dengan perjalanan undang-undang.

HARGA MINYAK—KENAIKAN

21. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa buah syarikat minyak yang menjalankan perniagaan di Malaysia, sedang mendapat keuntungan yang banyak dari jualan minyak kepada pembeli-pembeli tempatan; dan sama ada Kerajaan akan meluluskan permintaan mereka untuk menaikkan harga minyak dan jika ya, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 11-6-79 dan saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi.

LESEN TEKSI

22. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah lesen-lesen teksi yang dikeluarkan setakat ini dengan memberikan

angka-angka perpecahan mengikut kaum;

- (b) jumlah permit-permit "A" yang dikeluarkan untuk lori-lori setakat ini dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum; dan
- (c) jumlah (i) lesen-lesen teksi dan (ii) permit-permit "A" untuk lori yang dikeluarkan untuk tahun 1979 dan 1978 dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah keseluruhan lesen-lesen teksi yang telah dikeluarkan setakat ini ialah sebanyak 12,729 buah. Dari jumlah ini 8,611 dikeluarkan kepada Bumiputra, 2,431 kepada kaum China, 789 kepada kaum India, 855 buah kepada campuran kaum dan 43 kepada lain-lain bangsa.
- (b) Jumlah keseluruhan lesen-lesen permit-permit "A" yang dikeluarkan untuk lori-lori setakat ini ialah 11,169 buah. Dari jumlah ini 188 dikeluarkan kepada Badan-badan Berkanun, 6,019 kepada Bumiputra, 3,698 kepada bukan Bumiputra dan 1,264 kepada syarikat-syarikat.
- (c) (i) Jumlah lesen-lesen teksi yang telah dikeluarkan pada tahun 1979 ialah sebanyak 13 buah, di mana 11 buah kepada Bumiputra dan 2 buah kepada kaum China. Bagi tahun 1978 pula jumlah yang dikeluarkan ialah 707, di mana 531 adalah kepada Bumiputra, 113 kepada kaum China, 21 kepada kaum India, 24 kepada campuran kaum dan 18 kepada lain-lain kaum.
- (ii) Jumlah permit "A" untuk lori yang dikeluarkan pada tahun 1979 ialah sebanyak 958 buah di mana 785 adalah kepada Bumiputra, 53 kepada bukan bumiputra, 72 kepada syarikat-syarikat dan 48 kepada Badan-badan Berkanun. Manakala bagi tahun 1978 pula jumlah lesen yang dikeluarkan ialah 449 buah di mana 332 adalah kepada bumiputra, 9 kepada bukan bumiputra,

36 kepada syarikat campuran dan 72 kepada Badan-badan Berkanun.

PEMBANGUNAN PETROLIAM OLEH C. ITOH

23. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri memberikan perakuan-perakuan utama yang terkandung di dalam kajian pelan induk oleh C. Itoh ke dalam kegunaan minyak dan petroliam di Malaysia dan nyatakan perakuan-perakuan yang diterima dan dilaksanakan oleh Kerajaan, dan nyatakan perbelanjaan yang terlibat.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, perakuan-perakuan dalam kajian Pelan Induk mengenai Pembangunan Petroliam di Malaysia oleh C. Itoh dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian 'upstream' dan bahagian 'downstream'.

Bahagian Upstream.

Untuk bahagian upstream, perakuan-perakuan utama Pelan Induk itu mencadangkan supaya langkah-langkah berikut diambil:

- (i) menghadkan pengeluaran minyak dan mengawal nisbah antara gas dan minyak (gas/oil ratio) supaya tenaga semula jadi, iaitu minyak dan gas, dalam telaga minyak dapat dijimatkan.
- (ii) memajukan lapangan-lapangan minyak (oil fields) secara berkumpulan atau berasingan satu persatu.
- (iii) menjalankan pengeluaran minyak bagi kali kedua (secondary recovery of oil) (misalnya di kawasan minyak Baronia dan Semarang).
- (iv) memperbaiki cara-cara dan kemudahan-kemudahan pengeluaran minyak yang ada sekarang dengan mengadakan sistem bermeter untuk mengukur kadar pengeluaran minyak, mengadakan sistem pengeringan minyak (oil dehydration system) dan mengadakan sistem pengesanan dan pengawalan pengeluaran yang lebih berkesan.

Perakuan-perakuan yang saya sebut tadi adalah sedang dilaksanakan oleh PETRONAS.

Bahagian Downstream.

Bagi bahagian downstream pula, perakuan-perakuan utama Pelan Induk itu memperakukan supaya PETRONAS:

- (i) menggunakan simpanan gasnya (gas reserves) dengan lebih banyak lagi;
- (ii) membina sebuah kilang penapis minyak;
- (iii) membina sebuah kilang baja kimia; dan
- (iv) membina sebuah kilang petro-kimia,

supaya dapat memenuhi keperluan pasaran dalam negeri yang semakin meningkat.

PETRONAS adalah sedang dalam proses melaksanakan perakuan-perakuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan gas asli bersekutu (associated gas), sebahagian daripada gas yang dikeluarkan adalah digunakan untuk kegiatan-kegiatan upstream dan dijual kepada Sarawak Electricity Supply Corporation, Majlis Bandaran Miri, Kilang Penapis Minyak Lutong dan dua kilang Batu-bata di Sarawak.

Selain daripada itu, PETRONAS juga sedang menimbangkan kegunaan-kegunaan lain bagi gas bersekutu itu, di antaranya ialah:

- (i) untuk digunakan oleh Stesyen Janakuasa Letrik di Trengganu, yang memerlukan saluran paip dasar laut berharga \$600 juta.
- (ii) untuk kegunaan Stesyen Janakuasa Letrik di Labuan, Sabah, yang memerlukan paip dasar laut berharga \$150 juta.
- (iii) untuk kegunaan satu kilang "methanol".

Mengenai kilang penapis minyak, ianya akan menelan belanja sebanyak \$300 juta.

Mengenai kilang baja kimia pula, ianya telahpun diterima sebagai satu projek ASEAN. Kilang ini dijangka akan berharga sebanyak \$590 juta.

Mengenai kilang petro-kimia pula, oleh kerana pasaran dunia mengenai hasil petrokimia adalah tidak stabil, dan juga PETRONAS mempunyai banyak projek-projek lain

yang perlu disegerakan, maka cadangan ini tidak diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 33 adalah diberi di bawah ini)

JALANRAYA BATU 36 KE TELUPID

24. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa jalan dari batu 36 hingga ke Telupid di Sabah adalah dalam keadaan yang sangat buruk kerana jalan ini digunakan oleh lori-lori balak dan apakah langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan jalan ini;
- (b) sama ada beliau sedar dalam musim hujan perhubungan penting lingkaran jalanraya timur-barat mendatangkan kesusahan kepada pemandu-pemandu oleh kerana kebanyakan barang dipunggah di Pelabuhan Kota Kinabalu dan keadaan buruk jalan itu membawa akibat kepada tuan-tuan punya kenderaan; dan
- (c) sama ada pertimbangan boleh diberi dengan cara mengurangkan kadar cukai jalan ke atas kenderaan-kenderaan yang terlibat itu untuk mengurangkan belanja penyenggaraan yang timbul dari menggunakan jalan-jalan ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Lee San Choon): Saya sedar bahawa jalanraya dari batu 36 hingga ke Telupid di Sabah adalah kurang memuaskan. Langkah-langkah untuk menaikkan taraf dan membubuh semula batu kerikil (regravel) bagi jalanraya tersebut akan dimulakan pada bulan Jun ini. Kerajaan pada masa ini juga sedang di dalam proses untuk melantik perunding-perunding bagi mengkaji dan merekabentuk aliran baru (alignment) jalanraya itu yang sepanjang 54 batu. Bagi menjawab soalan (b) seperti yang telah saya terangkan di atas usaha-usaha sedang dibuat untuk memperbaiki jalanraya-jalanraya itu.

Bagi menjawab soalan (c), saya syorkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya mengemukakan perkara ini kepada Kementerian Pengangkutan untuk mendapatkan pertimbangan.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

25. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandang kepada hakikat ramai pelajar-pelajar belajar di institusi-institusi di luar negeri dan kerugian tahunan dialami dalam ertikata pertukaran wang asing setiap tahun serta juga kerana "education protectionism" di luar negeri yang kian meningkat, sama ada sebuah universiti yang baru akan ditubuhkan di negara ini.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Saya memang tahu bahawa ramai pelajar-pelajar kita yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri, tetapi ini adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Malaysia, sebagai sebuah negara yang sedang membangun tidak mampu menyediakan tempat kepada semua pelajar-pelajar yang layak dan mahu melanjutkan pelajaran mereka. Oleh itu kita patut berterimakasih kepada negara-negara yang sudi menerima pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran mereka.

Kerajaan pada ketika ini tidak bercadang hendak menambah lagi bilangan universiti yang ada di negara ini kerana penubuhan sesuatu universiti perlu diselaraskan dengan keperluan tenaga rakyat dan juga kemampuan negara untuk menyerap para graduan yang keluar daripadanya kelak. Pada masa ini universiti-universiti yang ada masih lagi dalam proses perkembangan; umpamanya, Kerajaan telahpun bersetuju untuk membina Fakulti Perubatan yang ketiga di Universiti Sains Malaysia yang mana dengan sendirinya akan menambahkan lagi peluang untuk anak-anak kita melanjutkan pelajaran mereka.

BIASISWA/DERMASISWA KEPADA PELAJAR IBAN

26. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar keturunan Iban dan Dayak yang diberikan biasiswa-biasiswa/pemberian-pemberian

untuk belajar di (i) universiti-universiti tempatan dan (ii) universiti-universiti luar negeri sejak tahun 1975.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Soalan Yang Berhormat itu menunjukkan bahawa Yang Berhormat sendiri tidak mengetahui di antara ta'arif Iban dan Dayak oleh kerana perkataan Iban adalah sama ertinya dengan Dayak pada pengertian kami di Negeri Sarawak. Melainkan kalau Yang Berhormat mahu mengelirukan rakyat di negara ini mengenai ta'arif Iban dan Dayak yang dalam pengertian Yang Berhormat mempunyai dua makna. Bagaimanapun bilangan pelajar-pelajar keturunan Iban yang dihadaikan Biasiswa dan Dermasiswa oleh Kementerian Pelajaran untuk pengajian Universiti-universiti Dalam Negeri dan Luar Negeri dari tahun 1975 hingga 1978 adalah seperti berikut:

Di Universiti-universiti Dalam Negeri	67
Di universiti-universiti Luar Negeri	67
Jumlah ..	<u>134</u>

Biasiswa dan Dermasiswa Kementerian Pelajaran sahaja.

PELABURAN SEKTOR SWASTA

27. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan amaun yang dilaburkan oleh sektor swasta di dalam bidang perusahaan perkilangan di negeri Kedah untuk tahun 1974, 1975, 1976, 1977 dan 1978.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Jumlah pelaburan modal yang dicadangkan dilaburkan oleh sektor swasta bagi projek-projek perindustrian yang diluluskan oleh Kementerian saya bagi Negeri Kedah untuk tahun-tahun 1974 hingga 1978 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Cadangan Pelaburan \$ Juta
1974	113.85
1975	47.08
1976	103.82

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Cadangan Pelaburan</i>
1977	207.37
1978	106.18
Jumlah ..	<u>578.30</u>

PERKHIDMATAN DOKTOR UDARA

28. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan untuk membaiki perkhidmatan dan menambah bilangan “doktor terbang” yang sangat popular di Sarawak untuk berkhidmat kepada kampung-kampung dan rumah-rumah panjang yang terpencil.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Bukanlah menjadi hasrat Kementerian Kesihatan hendak menggantikan kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar dengan perkhidmatan doktor udara. Perkhidmatan doktor udara telah diadakan pada tahun 1973 bagi menampung keperluan di beberapa tempat yang terpencil di Negeri Sarawak yang kekurangan kemudahan-kemudahan perubatan.

Pada permulaannya perkhidmatan-perkhidmatan ini telah diadakan di empat puluh buah tempat terpencil sahaja dan sekarang telah meningkat menjadi 254 tempat dan dapat memberi khidmat kepada kurang lebih 265,000 orang penduduk. Perkhidmatan ini adalah dikaji pada tiap-tiap 6 bulan dan di mana didapati klinik-klinik telah dibina, perkhidmatan doktor udara dihentikan. Tindakan ini diambil berdasarkan kepada pendapat bahawa klinik yang “permanent” di sesuatu tempat itu adalah memberi kesan yang lebih kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Setakat ini tidak ada rancangan untuk menambah bilangan helicopter yang digunakan dalam perkhidmatan doktor udara ini. Walau bagaimanapun perkhidmatan ini akan juga melibatkan kawasan-kawasan yang baru yang tertentu berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan tersebut.

BUKU TEKS KESUSASTERAAN MELAYU DALAM SKIM PINJAMAN

29. Tuan Ibrahim bin Muhamad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk memasukkan beberapa buah buku Teks Kesusasteraan Melayu di dalam Skim Bantuan Buku Teks mulai tahun 1980 kepada murid-murid Tingkatan Empat dan Lima, dan memandang kepada kesukaran bagi murid-murid untuk mendapatkan buku-buku tersebut di kedai-kedai buku bahkan di setengah-tengah tempat tidak boleh didapati langsung sedangkan pelajar-pelajar hendak menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tidak lama lagi. Jika ya, nyatakan peruntukannya dan jika tidak, mengapa.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Saya suka menyatakan bahawa di bawah Skim Pinjaman Buku Teks, hanya buku-buku teks asas dipinjamkan kepada murid-murid, tidak buku-buku tambahan seperti buku Kesusasteraan dan sebagainya.

Walaupun Kementerian saya sedar tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu saya tidak bercadang untuk memasukkan buku-buku tambahan ini di dalam Skim Pinjaman Buku Teks. Murid-murid yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan buku-buku ini di kedai-kedai buku, hendaklah meminta Guru-guru Besar mereka memesannya terus daripada pengimpot penerbit berkenaan.

GURU-GURU BAHASA INGGERIS DARI UNITED KINGDOM

30. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengambilan guru-guru bahasa Inggeris dari England dibuat dengan kajian yang teliti selaras dengan pengajian dan pelajaran, dan jika ya, sama ada sistem ini akan menguntungkan murid-murid di luar bandar.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Pengambilan guru-guru bahasa Inggeris dari United Kingdom (guru kontrek) dibuat setelah diteliti keadaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah di Malaysia terutama di luarbandar

dan didapati tidak berapa memuaskan. Ini adalah disebabkan beberapa faktor: Kita sedia maklum pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kebangsaan yang kebanyakannya terletak di luarbandar sejak dahulu lagi memang lemah. Dengan penukaran bahasa pengantar sekolah-sekolah daripada bahasa Inggeris kepada Bahasa Kebangsaan taraf pencapaian bahasa ini telah merosot. Kelemahan dan kemerosotan ini disebabkan:

- (i) Kekurangan guru yang betul-betul terlatih di dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Sungguhpun hari ini terdapat bilangan guru-guru bahasa Inggeris yang mencukupi tetapi malangnya sebilangan besar dari mereka ini adalah terdiri daripada guru-guru yang menerima latihan dan mempunyai pengalaman mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama. Kepekaran ini tidak lagi sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah di negara kita.
- (ii) Kekurangan bahan-bahan kurikulum (curriculum materials) untuk beberapa peringkat kebolehan murid-murid. Apa yang ada hari ini hanya satu bentuk bahan kurikulum yang umum digunakan untuk semua peringkat murid.
- (iii) Kekurangan pendedahan dari segi penggunaan dan pendengaran bahasa Inggeris di dalam kehidupan murid-murid hari-hari. Semasa bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah murid-murid bukan sahaja diajarkan bahasa Inggeris sebagai satu matapelajaran bahkan juga mereka didedahkan dengan pendengaran dan penggunaan bahasa Inggeris di dalam mata-mata pelajaran yang lain. Dengan adanya pendedahan seperti ini taraf pencapaian murid-murid di dalam mata pelajaran bahasa Inggeris adalah terjamin.

Kementerian Pelajaran berpendapat pengambilan guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom ini akan dapat menolong sedikit sebanyak mengatasi masalah-masalah kelemahan dan kemerosotan pengajaran dan

pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Ini adalah satu rancangan jangka pendek. Guru-guru yang diambil ini mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua serta mempunyai pengalaman dalam menyiapkan bahan-bahan kurikulum. Mereka ini akan ditempatkan di sekolah-sekolah di luarbandar dan juga di sekolah-sekolah di mana didapati keadaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris adalah lemah. Selain daripada mengajar, guru-guru ini dikehendaki mendedahkan kaedah-kaedah baru di dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua kepada guru-guru Bahasa Inggeris di negara kita. Guru-guru kontrek ini juga dikehendaki bersama-sama dengan guru-guru Bahasa Inggeris tempat menyediakan bahan-bahan kurikulum yang dapat digunakan untuk murid-murid berbagai peringkat kebolehan. Apabila tamat tempoh perkhidmatan guru-guru kontrek ini di Malaysia, tempat-tempat mereka akan diambilalih oleh guru-guru Bahasa Inggeris tempatan.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat dan peraturan yang ditetapkan itu saya berpendapat perkhidmatan guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom ini akan mendatangkan faedah kepada murid-murid di luarbandar, kerana dengan adanya guru-guru ini murid-murid akan merasai yang mereka mempelajari Bahasa Inggeris melalui guru yang betul-betul terlatih dan fasih dalam Bahasa Inggeris. Secara langsung keadaan ini akan mencetus dan memupuk minat murid-murid mempelajari bahasa ini dengan lebih gigih lagi.

Perlu ditegaskan juga di samping mengambil guru-guru bahasa Inggeris seperti saya sebutkan tadi berbagai langkah telah dan akan diambil oleh Kementerian saya untuk membaiki lagi taraf pencapaian bahasa Inggeris di sekolah. Ini telah pun saya huraikan sewaktu menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 13hb Jun, 1979.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

31. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan

untuk memastikan kekalnya taraf Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah memandangkan bahawa Bahasa Inggeris adalah Lingua-Franca antarabangsa.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Saya tidak bercadang untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat kerana jawapan yang sama telah saya beri sewaktu menjawab soalan oleh:

1. Yang Berhormat dari Menglembu pada 13hb Jun, 1979.
2. Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 13hb Jun, 1979.
3. Yang Berhormat dari Tanah Merah pada 20hb Jun, 1979.

Yang Berhormat bolehlah merujuk kembali kepada jawapan-jawapan saya pada hari-hari tersebut.

BIASISWA/DERMASISWA KEPADA PELAJAR

32. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan jenis-jenis biasiswa dan dermasiswa yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada pelajar-pelajar semua peringkat dan kepada lain-lain pemegang biasiswa di seluruh negara. Nyatakan bilangan pemegang biasiswa bagi tiap-tiap jenis itu dan berapakah Kerajaan membelanjakan wang dalam setahun bagi tujuan yang tersebut.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Biasiswa dan dermasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada pelajar-pelajar untuk memenuhi keperluan tenaga terlatih meliputi kursus-kursus Ijazah Pertama dari Universiti-universiti Tempatan dan Seberang Laut, Diploma dari Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Institiut Teknologi MARA dan Sijil-sijil dari Politeknik di bawah Kementerian Pelajaran bagi kursus-kursus seperti Kejuruteraan, Perubatan, Pergigian, Pertanian, Sains Haiwan, perakaunan, ukur bahan/tanah, senibina, perancang bandar dan kampung dan pelajaran Sains.

Biasiswa juga dikeluarkan bagi calon-calon yang mengikuti kursus-kursus separa

perubatan di Sekolah Latihan, Kementerian Kesihatan, kursus pertukangan dan Institiut Latihan Kemahiran, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan kursus pertanian di Institiut-institiut Pertanian, Kementerian Pertanian.

Kementerian Pelajaran pula adalah menawarkan biasiswa/dermasiswa bagi berbagai peringkat pengajian meliputi peringkat Sekolah-sekolah Menengah, Vokesyenal, Institiut-institiut Pelajaran Tinggi di dalam dan luar negeri.

Adalah sukar untuk menentukan jumlah perbelanjaan tahunan biasiswa yang diperolehi itu memandangkan jumlahnya adalah tidak sama dari satu tahun ke satu tahun. Ianya bergantung kepada jumlah pemohon-pemohon yang ditawarkan biasiswa/dermasiswa dan juga bergantung kepada kelulusan peruntukan biasiswa/dermasiswa tersebut yang diluluskan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam dalam tahun 1978 telah membelanjakan sebanyak \$25,814, 776.00 bagi 5,930 biasiswa/dermasiswa yang dikeluarkan.

Sementara Kementerian Pelajaran pula bagi tahun yang sama telah membelanjakan sebanyak \$34,782,895.00 bagi 130,928 hadiah biasiswa/dermasiswa yang telah dikurniakan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

33. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke Negeri China baru-baru ini dan sama ada dalam lawatan ini pertikaian Vietnam/China telah dibincangkan dengan tujuan mencapai perdamaian yang abadi supaya rantau ini benar-benar menjadi satu rantau yang aman dan berkecuali.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Soalan ini sama maksudnya dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin, 11hb Jun, 1979. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikannya itu.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Majlis Peperiksaan Malaysia bagi maksud menjalankan peperiksaan-peperiksaan tertentu dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelajaran dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 2) TAHUN
1979**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$105,705,702 diperuntukkan daripada Kumpulan-wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1979 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas." (25hb Jun, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya maklumkan pada hari semalam sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan atau wakilnya menggulung perbahasan ini, saya minta sekarang Yang Berhormat Menteri Pertanian menjawabnya.

3.40 ptg.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli Dewan

yang bercakap atas Fiasco Bank Rakyat sama ada penyokong-penyokong kerajaan ataupun pihak pembangkang—semuanya memberikan sokongan atas permintaan Bank Rakyat untuk mendapat pinjaman sebanyak \$55 juta lagi dari Kerajaan.

Ramai Ahli-Ahli yang mendesak supaya pinjaman itu ditambah lagi demi kepentingan kaum tani dan nelayan dan saya tidak ragu-ragu untuk datang ke Dewan ini mendapatkan tambahan pinjaman jika didapati perlu. Itulah sebabnya di dalam Pengenalan "Kertas Putih" Para. 6 berkata "angka muktamad masih belum dapat ditentukan".

Ucapan dan sokongan dari semua Ahli-ahli Dewan sudah tentu memberikan "sokongan morale" kepada saya sendiri yang diamanahkan untuk mengawasi perjalanan Bank Rakyat di bawah Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978.

Kepada saya "Fiasco Bank Rakyat" ini tidak siapa yang kalah dan tidak siapa yang menang dalam Dewan ini, kerana pihak mahkamah sudah pun menentukan pihak-pihak yang bersalah dan pihak Bank Rakyat akan terus mengambil tindakan terhadap mereka yang difikirkan bersalah dan dikenakan tindakan undang-undang di masa depan.

Apa yang jelas dalam perbahasan ialah kaum tani dan nelayan yang memperlopori Bank Rakyat dan yang meletakkan kepercayaan serta amanah mereka kepada pemimpin-pemimpin Bank di waktu itu dan yang telah dikecewakan oleh mereka sedang mendapat pembelaan dengan adanya "rescue operation" dari pihak Kerajaan.

Dalam perbahasan semalam pihak DAP telah mengambil kesempatan menggunakan issue Bank Rakyat sebagai platformnya untuk memperkecil-kecilkan Kerajaan. DAP, kononnya mendakwa bahawa Kerajaan lambat bertindak; dan tidak mungkin bertindak jika tidak ada "power struggle" dalam UMNO.

Untuk pengetahuan Wakil dari Petaling, UMNO tidak pernah mengalami "power struggle"; sungguh pun ada provokasi dari setengah-setengah pihak di luar UMNO, semua ahli-ahli UMNO mengikuti dan patuh

kepada Perlembagaan UMNO; dan UMNO tidak akan tercebur ke dalam arena "power struggle" kerana semua ahli-ahlinya mengamalkan asas demokrasi yang sebenarnya dan pucuk pimpinan memberikan kebebasan bersuara kepada semua peringkat ahli dari peringkat Cawangan. Bahagian hinggalah ke peringkat Pusat.

Sungguhpun UMNO memperjuangkan hak orang Melayu dan bumiputra yang lain, tetapi sikapnya adil dan bertimbang rasa kepada semua pihak yang ta'at setianya kepada Malaysia dengan tidak mengira kaum; dan falsafah UMNO ini sudah diketahui oleh semua pihak—di dalam dan di luar negeri—dan UMNO adalah payong kepada segenap lapisan rakyat dari semua keturunan di Malaysia.

Memanglah ada parti-parti di luar UMNO yang pada zahirnya melaung-laungkan sebagai "hero democracy"; hero kebebasan bersuara"; dan "hero hak asasi manusia", tetapi dalam pentadbiran partinya semuanya ini adalah mimpi sahaja atau kosong sahaja (*Tepuk*).

Oleh itu pengeluaran Kertas Putih Bank Rakyat di Dewan ini adalah semata-mata kerana Kerajaan Barisan Nasional mempunyai hasrat dan kepentingan rakyat biasa dan sentiasa mengamalkan dasar yang berjiwa rakyat.

Sebaliknya jika dilihat dari peristiwa-peristiwa atau event-event yang berlaku dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah jelas bahawa Kerajaan tidak lengah mengambil tindakan dalam hal Bank Rakyat ini.

Tindakan Kerajaan ke atas Bank Rakyat adalah semata-mata kerana keadaan yang berlaku dalam Bank memerlukan. Kerajaan telah bertindak dengan seberapa segera yang boleh.

Kerajaan memang tidak lambat mengambil tindakan, tetapi tidaklah pula terburu-buru seperti tindakan setengah-setengah ahli-ahli parti lawan. Kerajaan ada peraturan-peraturan dan langkah-langkah yang tertentu serta sistematik. Misalnya:

Pada 6hb September, 1975: Bank Rakyat mengadakan mesyuarat agongnya dan

membentangkan akaun-akaun yang belum diluluskan oleh Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama.

Pada 12hb Mac, 1976: Kerajaan Pusat memberikan jaminan iaitu wang simpanan ahli-ahli bank adalah terselamat.

Pada 13hb September, 1976 dan 28hb Disember, 1976: Interim Report Price Waterhouse dikemukakan kepada Bank Rakyat. Laporan itu memberikan gambaran penyelewengan secara kasar atas perjalanan Bank Rakyat.

Pada 19hb Disember, 1977: Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) dikemukakan ke Dewan Rakyat.

Pada 17hb Mac, 1979: Laporan akhir Price Waterhouse disampaikan kepada pengurusan Bank Rakyat; dan

Pada 19hb Julai, 1979: Laporan Price Waterhouse dan White Paper dibentangkan ke Dewan, seperti dijanjikan.

Dengan itu jelas bahawa tindakan Kerajaan adalah systematic dan cepat; lebih cepat dari usaha pasangan suami isteri untuk mendapatkan cahaya mata yang mengambil masa 9 bulan, (itu pun jika mereka "fertile"); tetapi pihak Kerajaan mengambil masa enam bulan sahaja untuk bertindak; iaitu dari mula penyelewengan itu dikesan pada 6hb September, 1975 kepada tarikh bertindak iaitu 12hb Mac, 1976. Price Waterhouse mengambil masa lebih kurang 2½ tahun untuk menyiapkan repot penuhnya.

Dari itu jelas bahawa tidak ada masa yang hilang untuk mengambail tindakan. Jika ada pun kelambatan maka kelambatan itu adalah "genuine" lebih-lebih lagi kerja-kerja yang dijalankan oleh Price Waterhouse itu adalah susah belaka. Dokumen-dokumen yang penting hilang; pejabat-pejabat terbakar dan saya mengetahui benar-benar bagaimana susahnya mereka hendak mendapatkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk kepentingan Dewan ini. Untuk rekod Dewan, maka saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas usaha mereka dan Pegawai-pegawai Bank Rakyat sekarang untuk mendapatkan dokumen-dokumen dan mereka terpaksa bekerja siang dan malam.

Apa yang menyedihkan saya ialah kejujuran dan keikhlasan Kerajaan tampil kehadapan menyelamatkan Bank Rakyat daripada hancur iaitu simpanan dari titek peluh petani, nelayan dan lain-lain telah disalah tafsirkan oleh DAP sebagai kelemahan Kerajaan. Mereka tidak nampak langsung atau tidak mahu nampak langsung pada hakikat yang sebenarnya.

Bank Rakyat itu tidak ada salahnya dan apa yang curang ialah "sebahagian" daripada pemimpin-pemimpinnya; sepertilah juga, dengan DAP. Sebagai sebuah parti, tidak boleh disalahkan tetapi yang disalahkan ialah pemimpin-pemimpinnya yang menggunakan parti itu sebagai jentera untuk mencapai cita-cita pemimpin-pemimpin DAP (*Tepuk*).

Fiasco Bank Rakyat ini saya ibaratkan seperti sikap setengah-setengah pemimpin DAP. Jika di Perak, selepas Pilihanraya dulu, semua ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, membuat ikrar ta'at setia Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, tetapi pihak DAP mengambil kesempatan untuk melarikan diri daripada amalan dewan yang sudah berjalan berkurun-kurun lamanya. Begitu juga dengan beberapa orang ahli DAP dalam Dewan ini sendiri. Apabila ditegur oleh Tuan Speaker, mereka selalu memperli dan merendah-rendahkan taraf Speaker; hinggalah Tuan Speaker kadang-kadangnya terpaksa menggunakan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka, mengusir mereka keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah kaitkan Tuan Speaker di dalam hujah-hujahnya (*Ketawa*).

Dato' Shariff Ahmad: Tidak lengkap, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Begitulah juga dengan keadaan Bank Rakyat seperti yang disebutkan dalam Kertas Putih pada pengenalan Para 3:

"Pada 6hb September, 1975 Bank Rakyat telah mengadakan Mesyuarat Agongnya yang ke 19 dan telah membentangkan akaun-akaun bagi tahun-tahun 1973 dan 1974 yang belum lagi diluluskan oleh Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama. Pendaftar Syarikat Kerjasama telah menjalankan penyiasatan di bawah Seksyen 37 (1) Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 mengena

perlembagaan, perjalanan dan kewangan Bank Rakyat, Penyiasatan ini telah membuktikan bahawa terdapat banyak perbuatan yang telah dilakukan oleh pengu-rusan dengan tidak mengikut peraturan. Di samping itu pihak Polis telah menerima beberapa maklumat mengenai perkara ini dan telah menjalankan penyiasatan yang rapi ke atas hal ehwal dan pengurusan atasan Bank Rakyat.

Ura-ura mengenai penangkapan beberapa orang pengurusan atasan yang terlibat mungkin akan mengakibatkan pengeluaran wang dari Bank Rakyat oleh penyimpan-penyimpan secara beramai-ramai. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, Kerajaan telah memberikan satu jaminan pada 12hb Mac, 1976 iaitu wang mereka dalam Bank Rakyat adalah terselamat."

Jaminan seperti ini dibuat bukanlah kali pertamanya, dan beberapa tahun dulu Kerajaan telahpun membaut "rescue operation" juga kepada sebuah bank yang pemegang-pemegang sahamnya bukan dari bumiputra. Sekarang bank itu sudah menjadi salah sebuah bank yang maju dan terkemuka di Malaysia. Begitulah juga harapan Kerajaan dengan tindakan menolong Bank Rakyat pada kali ini.

Apa yang kita sekalian patut sedar dan insaf ialah tindakan-tindakan Kerajaan yang telah diambil terhadap Bank Rakyat telah mengelakkan berlakunya "panic" di kalangan penyimpan-penyimpan Bank dan telah mengelakkan "a run on the Bank". Sekiranya berlaku "a run on the Bank" dan tidak ada pula jaminan dari Kerajaan maka sudah tentu akan berlaku satu rusuhan atau "riot" yang akan mengancam keselamatan dan nyawa pemimpin-pemimpin Bank itu sendiri.

Wakil dari Petaling sengaja mengelakkan nama-nama orang PAS dalam berhutang. Beliau itu menuduh kononnya peminjam-peminjam adalah orang-orang UMNO belaka, dan beliau telah panjang lebar menyelar Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Encik Adib Adam yang masih berhutang dengan Bank Rakyat.

Jika beliau baca dengan teliti dan ambil berat Laporan Price Waterhouse maka banyak

nama orang PAS. Nik Mustapha bin Shafie (\$1,264,050) dan Wan Ismail bin Wan Ibrahim \$50,000), adalah "orang kuat" PAS di Kelantan.

Kedua-duanya ini mendapat pinjaman semasa mereka sudah menjadi wakil rakyat dan seorang daripadanya semasa menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan. Untuk makluman Dewan, kedua-dua mereka ini adalah lambat atau cuai membayar hutang mereka.

Seperti yang saya sebutkan pada awal tadi sesiapa pun boleh meminjam dari Bank Rakyat kerana ada fasiliti-fasilitinya dan memanglah digalakkan ahli-ahlinya meminjam untuk program-program pembangunan. Dalam soal Yang Amat Berhormat Adib ini, sungguhpun pinjaman itu nampaknya lama dan banyak tetapi pihak Bank Rakyat tidak bimbang kerana cagar hartanya bernilai \$385,000 iaitu lebih daripada hutang. Jika kita teliti betul-betul pinjaman itu telah diluluskan kepadanya mengikut peraturan-peraturan pinjaman dan juga sebelum atau lebih awal daripada beliau memegang jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka. Tambahan pula beliau ada membuat bayaran ke atas pinjamannya dan sudah banyak kurang iaitu ke paras \$342,000 pada 30.4.79. Pinjamannya dengan kedudukannya sebagai Ketua Menteri Melaka adalah perkara berasingan sama sekali.

Adalah tidak adil bagi pihak pembangkang yang mengambil kesempatan atas "FIASCO BANK RAKYAT" ini untuk mencemarkan nama baik Ketua Menteri Melaka.

Satu lagi sikap yang tidak patut ditimbulkan oleh wakil Petaling itu ialah berhubung dengan pembayaran sebanyak \$82,500 kepada UMNO Selangor. Sebagai pemimpin puak Pembangkang adalah tidak adil beliau memburuk dan mengaitkan UMNO Malaysia seluruhnya dengan perbuatan ini kerana yang terlibat adalah UMNO Selangor sahaja; dan pemimpinnya pun sedang menjalani hukuman.

Orang DAP pun ada berhutang juga iaitu Karim Abu calon DAP dalam Pilihanraya 1978, dan beliau juga Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat. Hutangnya masih ada sebanyak \$50,149 (*Tepuk*). Kalau boleh saya baca,

Tuan Yang di-Pertua, Karim Abu bertanding di Jasin melawan Encik Abdul Ghafar Baba; Jalaludin bin Haji Abdul Wahid PAS; Abdul Karim bin Abu DAP. (*Ketawa*).

Sukalah saya hendak maklumkan kepada Dewan bahawa usaha telah pun dibuat untuk mendapatkan balik wang tersebut. Bank Rakyat telah meminta UMNO Selangor mengembalikan jumlah sebanyak \$82,500 itu. Walau bagaimanapun UMNO Selangor menegaskan bahawa wang itu diterima dengan ikhlas sebagai derma dan dengan demikian tidak akan dikembalikan wang tersebut.

Oleh yang demikian terpulanglah kepada Lembaga Pengarah yang baru untuk membuat usahanya lagi di masa depan bagi mendapatkan kembali wang itu mengikut kebijaksanaan mereka. Adalah tidak adil kalau saya mengarah Lembaga Pengarah yang baru untuk berbuat sesuatu tindakan yang specific dan saya tidak mahu dicap sebagai "dictator di belakang tabir" dalam urusan pentadbiran Bank Rakyat.

Yang Berhormat Wakil Petaling juga ada membangkitkan soal "term of reference" firma Price Waterhouse yang cuma meliputi akaun bank sehingga 31-12-75, dan tidak sehingga 12-4-76.

Tarikh 12-4-76 sebenarnya ialah tarikh Pemangku Pengarah Urusan mengambil alih urusan Bank Rakyat dari Pengurusan yang lama. Oleh kerana buku-buku bank ditutup pada 31-12-75 dan akaun pada 31-12-76 telah disiapkan, maka adalah wajar supaya tidak melengahkan kerja-kerja penyiasatan yang akaun-akaun bank disiasat sehingga 31-12-75 sahaja.

Walaupun bagaimanapun akaun-akaun selanjutnya iaitu akaun-akaun pada 31-12-76, 77 dan 78 adalah sedang diperiksa dan akan siap tidak berapa lama lagi.

Wakil Kuala Lumpur Bandar menyoal sama ada Kerajaan Barisan Nasional mempunyai keazaman politik untuk menghadapi cabaran dan membongkar perbuatan-perbuatan curang di kalangan pemimpin-pemimpin dan dalam Kerajaannya.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa membuktikan adanya keazaman politik untuk mengekalkan "political integrity"nya dengan mengambil tindakan-tindakan tegas kepada siapa juga yang melanggar undang-undang dan juga yang menyalahgunakan kuasa mereka.

Contoh yang sebaik-baiknya ialah kes Bank Rakyat ini sendiri; di mana Yang di-Pertua Bank Rakyat diwaktu itu adalah juga Ketua Kerajaan Negeri Selangor. Kedudukannya tidak menjadi halangan kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan terhadapnya mengikut saluran undang-undang.

Bukti yang kedua ialah penangkapan Timbalan-timbunan Menteri Kerajaan Pusat yang mengikut pendapat Kerajaan mereka ini adalah merbahaya kepada keselamatan negara. Mereka ini masih lagi menjalani hukuman di bawah undang-undang yang tertentu.

Segala-galanya adalah bukti yang sebenarnya yang menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah jujur; tegas dan mempunyai keazaman politik untuk bertindak terhadap satu-satu peristiwa dan perkara demi kepentingan keselamatan negara dan ke-
lohoran undang-undang.

Sekarang saya suka menyentuh kepada wakil Kota Setar. Ahli Yang Berhormat itu seolah-olah seperti berada dalam keadaan serba salah. Ahli Yang Berhormat itu tidak berkemampuan untuk mengkritik Kerajaan dalam hal Bank Rakyat, kerana ramai "anak buahnya" juga mempunyai hutang bertimbun-timbun dengan Bank Rakyat. Seperti yang saya sebutkan tadi Wan Ismail bin Haji Ibrahim berhutang sebanyak \$50,000 lebih; Nik Mustapha bin Shafie sebanyak lebih \$1 juta; manakala Ismail Daud pula sebanyak lebih \$1.2 juta.

Begitu juga dengan Puah Hajah Salmah binti Sheikh Hussain iaitu Senator PAS yang juga Ahli Jumaah Pengarah yang masih berhutang sebanyak \$113,540 manakala suaminya Haji Musa bin Mohd. Yatim berhutang sebanyak \$8,689.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga mendakwa bahawa kerugian \$65.2 juta itu mungkin sudah kurang sekarang kerana nilai harta Bank Rakyat sudah naik.

Sebenarnya banyak bangunan-bangunan Bank Rakyat belum siap lagi pada 31hb Disember, 1975 dan harga kos telah bertambah lagi untuk menyiapkan bangunan-bangunan ini. Walaupun harga pasaran setengah-setengah bangunan mungkin lebih tinggi dari harga kos, namun ada juga harga-harga pasaran lebih rendah dari harga kos. Kalau pun harga pasaran lebih tinggi dari harga kos, ini akan hanya dapat diambil kira jika bangunan-bangunan ini dijual dan jika dijual dengan tergesa-gesa harga-harganya biasanya berkurangan dari harga pasaran. Jika tidak dijual dan hanya harga buku dinaikkan ini tidak dapat menolong aliran wang Bank Rakyat.

Wakil Pasir Puteh menyentuh tentang beberapa ahli-ahli Bank yang telah menggunakan wang pinjaman dari Bank Rakyat untuk pelaburan di luar negeri meski pun pinjaman-pinjaman mereka dengan Bank Rakyat masih belum dijelaskan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang turut sama-sama menanggung perasaan kehilangan harta Bank Rakyat melalui penyelewengan yang berlaku di Bank. Seperti yang ditegas dalam Kertas Putih, tindakan undang-undang telah, sedang dan akan diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab terhadap kerugian Bank Rakyat.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk wakil dari Tanah Merah yang telah menegaskan betapa pentingnya diambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakkan berlaku "pisang berbuah dua kali".

Seperti yang telah diterangkan dalam Kertas Putih, Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Bank Kerjasama Rakyat Berhad (Peruntukan Khas) 1978 pada 16hb Februari 1978. Akta ini membolehkan Kerajaan mengawasi pentadbiran dan pengurusan dengan lebih dekat lagi.

Di samping itu Kerajaan sedang berusaha untuk memperkukuhkan keupayaan (capacity) Jabatan Pembangunan Koperasi dengan melengkapkan kepakaran dalam bidang-bidang undang-undang dan kewangan ataupun odit. Kerajaan juga sedang menyusun rancangan untuk memperbaiki kedudukan Maktab

Kerjasama Malaysia supaya membolehkannya melatih mengeluarkan tenaga-tenaga mahir dalam bidang pengurusan, dan perniagaan berasaskan kepada prinsip-prinsip Koperasi.

Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Kepong, Matang, Panti dan Kangar yang kesemuanya memberikan sokongan kepada pinjaman sebanyak \$55 juta ini dan mereka memberi jaminan untuk menyokong lagi sebarang permintaan pinjaman kepada Bank Rakyat, saya akan berbuat demikian dan akan meminta kepada Dewan jika peruntukan ini tidak mencukupi tetapi biarlah Bank Rakyat menggunakan jumlah ini sepenuhnya dahulu.

Saya suka memberi jaminan bahawa Kementerian Pertanian akan berusaha bersama-sama dengan Lembaga Pengarah yang baru untuk meletakkan kedudukan Bank Rakyat di atas landasan yang kokoh dan kuat. Dengan doa' semua pihak, daripada petani, nelayan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka masanya akan tiba Bank Rakyat akan menjadi contoh dan panduan kepada Gerakan Koperasi di Malaysia.

Demi kesempurnaan rekod Dewan maka sukalah saya hendak menegaskan bahawa mereka yang berhutang seperti nama yang terkandung dalam laporan Price Waterhouse itu adalah hingga penghujung tahun 1975. Memang ada sebahagian kecil mereka yang jujur dan ikhlas yang telah meneruskan pembayarannya hingga sekarang, tetapi nama-nama mereka terpaksa dimasukkan ke dalam Laporan Price Waterhouse. Walau bagaimanapun hanya beberapa orang sahaja yang menjelaskan hutangnya dalam masa Price Waterhouse menjalankan siasatannya.

Dalam Dewan yang mulia ini saya sukacita menyatakan, bahawa semenjak Kerajaan memberikan jaminan kepada Bank Rakyat maka kepercayaan orang ramai terhadap Bank Rakyat telah bertambah teguh. Ini boleh dibuktikan dengan rekod-rekod Bank Rakyat yang menunjukkan bertambahnya bilangan ahli-ahli, jumlah modal dalam saham dan jumlah wang akaun tabungan (saving account) dan deposit tetap. Misalnya:

(1) Pada 31-2-75 bilangan ahli adalah seramai 24,475 telah bertambah menjadi 27,962 ahli pada 31-12-78.

(2) Pada 31-12-75 jumlah saham sebanyak \$15.907 juta telah bertambah menjadi \$17.877 juta pada 31-12-78.

(3) Pada 31-12-75 jumlah wang akaun tabungan (saving account) dan deposit tetap sebanyak \$171.021 juta juga bertambah menjadi \$225.667 juta pada 31-12-78.

Sungguh pun demikian pihak Bank Rakyat masih belum puas hati lagi. Dengan pinjaman sebanyak \$55 juta ini maka pihak Bank Rakyat akan dapat bergerak lebih cergas lagi untuk memulih dan meletakkan Bank Rakyat atas landasan yang kita semua harap-harapkan.

Untuk mengakhiri comment saya dalam fiasco Bank Rakyat ini, maka tidak ada lebih baik perkataan yang tepat boleh saya gunakan selain dari ucapan, semasa Bank Rakyat "Appeal Case Judgement" pada 7.12.77 yang dibuat oleh Justice Wan Sulaiman, seperti yang dilaporkan dalam akhbar. Justice Wan Sulaiman antara lain berkata:

(Dengan izin): ".....that the Agriculture Ministry which by definition is best fitted to deal with rubber, palm oil and the like..... is not equipped to supervise the running of a bank, even though it is a co-operative"; dan seterusnya.

Satu lagi petikan yang boleh saya pinjam ialah ulasan Justice Wan Sulaiman ke atas Kes Datuk Mansor, yang berbunyi:

(Dengan izin): "It was his expertise in accounting and in company law that made possible these crimes".

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kewangan.

4.07 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul yang telah dibentangkan oleh saya pada petang semalam supaya Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1979 diluluskan oleh Dewan ini dan

boleh dikatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian itu telahpun menyokong usul ini.

Dalam masa perbahasan itu berjalan boleh dikatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan itu telah mengeluarkan berbagai-bagai pandangan dan cadangan atas hasrat hendak mengemaskan lagi jentera pentadbiran dan pengurusan badan-badan perusahaan awam supaya perkara yang berlaku kepada Bank Rakyat tidak akan berulang lagi dan tidak akan berlaku pula kepada badan-badan perusahaan awam Kerajaan yang lain.

Di antara cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling ialah supaya Kerajaan menjalankan siasatan ke atas badan-badan perusahaan awam yang lain.

Satu cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah dikemukakan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah badan jurukira bebas bagi memeriksa dan menasihatkan perjalanan setiap badan berkanun di negara ini. Kerajaan memang sedar atas perlunya bagi kawalan yang rapi diadakan terhadap perjalanan dan pengurusan badan-badan perusahaan awam. Oleh itu Kerajaan sentiasa mengkaji dan mengadakan langkah-langkah yang perlu bagi memperbaiki dan memperkemas perjalanan dan pengurusan badan-badan tersebut.

Misalnya baru-baru ini Kerajaan telah menambah bidang tugas dan kuasa-kuasa Ketua Odit Negara melalui Akta Odit (Pindaan), 1978 bagi membolehkan Ketua Odit Negara memeriksa, membuat siasatan dan mengodit atas kira-kira badan-badan tersebut.

Mengikut kuasa sekarang Ketua Odit Negara adalah diberi tugas untuk mengodit selain daripada Kira-kira Kerajaan Persekutuan dan Kira-kira Kerajaan Negeri juga Kira-kira Badan-badan Berkanun Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Kerajaan Negeri. Jika undang-undang badan yang berkenaan itu mengkehendaki atau jika pihak yang berkuasa badan itu meminta supaya kira-kiranya diodit oleh Ketua Odit Negara dengan persetujuan Menteri Kewangan sebagai tambahan kepada tugas tersebut melalui Akta Odit (Pindaan), 1978,

Ketua Odit Negara diberi kuasa mengodit kira-kira sesuatu badan yang menerima bantuan ataupun grant atau pinjaman dari Kerajaan atau kira-kira sesuatu syarikat yang tidak kurang dari 51% modalnya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Badan-badan Kerajaan sekiranya Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan perintah begitu.

Selain dari memeriksa dan mengodit kira-kira dengan tujuan menentukan sama ada penerimaan dan pembayaran wang telah diuruskan dengan betul dan mengikut undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkenaan, Ketua Odit Negara juga dikehendaki melalui Akta Odit (Pindaan), 1978 itu supaya mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- (1) Sama ada kira-kira dan lain-lain rekod ada diselenggarakan dengan betul seperti yang dikehendaki di bawah Akta Acara Kewangan dan jika gagal pegawai yang ditugaskan dengan kerja itu boleh dihukum denda ataupun surcaj.
- (2) Sama ada wang telah digunakan bagi maksud yang diluluskan dan juga kerja-kerja untuk mencapai maksud itu telah dilakukan dengan cekap serta jimat cermat dan perbelanjaannya tidak membazir.

Ini ialah merupakan Odit pelaksanaan (Performance Audit) yang akan dilakukan mengikut pertimbangan Ketua Odit Negara supaya menepati tujuan Kerajaan memakai sistem belanjawan, program dan prestasi ataupun dengan izin, dalam bahasa Inggeris: programme and performance budgeting, bagi perkhidmatan yang boleh dinilai hasil atau faedahnya.

Dengan adanya kuasa-kuasa tambahan yang telah diberikan kepada Ketua Odit Negara seperti yang saya sebutkan tadi, maka adalah difikirkan tidak perlu bagi Kerajaan menubuhkan suatu badan jurukira bebas bagi memeriksa dan menasihatkan perjalanan setiap badan berkanun seperti yang dicadangkan itu.

Mengenai cadangan supaya Bank Rakyat mengadakan kemudahan akaun semasa (current account), ingin saya menerangkan

bahawa kemudahan ini hanya diberikan di bawah Akta Banking, 1973 yang mana dikelolakan oleh Bank Negara. Badan-badan yang mendapat kemudahan ini adalah badan-badan yang menjalankan aktiviti-aktiviti banking dalam ertikata sepenuhnya.

Mereka juga akan tertakluk kepada arahan, kawalan, pemeriksaan Bank Negara Malaysia. Bank Rakyat sebenarnya adalah sebuah syarikat kerjasama dan oleh itu adalah tertakluk kepada Ordinan Syarikat Kerjasama selain daripada Akta Bank Kerjasama Malaysia Berhad (Peruntukan Khas), 1978. Maka sekiranya ianya diberikan kemudahan akaun semasa ianya akan tertakluk kepada kawalan Bank Negara di samping kehilangan sifatnya sebagai sebuah syarikat kerjasama.

Pemberian kemudahan akaun semasa bukanlah satu perkara yang kecil kerana ianya memerlukan organisasi yang kukuh berserta dengan kakitangan yang mahir dan terlatih. Bank Rakyat masih lagi kekurangan tenaga kerja yang diperlukan itu. Oleh itu, Bank Rakyat patutlah menumpukan perhatiannya kepada tindakan-tindakan untuk mengukuhkan organisasi dan perjalanannya sebelum melangkah kepada suatu aktiviti yang pada masa ini adalah di luar bidang pengalaman dan kebolehannya.

Sayugia saya nyatakan bahawa dari segi accountability sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, penyata kira-kira Kerajaan adalah dibentangkan di Dewan Rakyat mengikut kehendak Akta Acara Kewangan, 1957. Begitu juga Penyata Kira-kira Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Perusahaan Awam Kerajaan dibentangkan di Dewan Rakyat mengikut peruntukan di bawah Akta penubuhan badan-badan tersebut.

Bagi syarikat-syarikat awam pula mereka adalah tertakluk di bawah Akta Syarikat, 1975 yang menghendaki supaya penyata kira-kira syarikat-syarikat yang berkenaan dikemukakan kepada pemegang-pemegang saham syarikat tersebut dalam mesyuarat agong syarikat-syarikat yang berkenaan, salinan penyata syarikat-syarikat berkenaan adalah disampaikan kepada Pendaftar Syarikat-syarikat dan orang ramai termasuk Ahli Yang

Berhormat bolehlah menyemak penyata-penyata tersebut di pejabatnya. Walau bagaimanapun peruntukan-peruntukan dan peraturan-peraturan yang diadakan tidak dapat menjamin sepenuhnya daripada berlakunya perkara-perkara salah dan curang seperti yang telah dialami oleh Bank Rakyat. Ianya lebih bergantung kepada kejujuran dan keamanahan tiap-tiap individu yang terlibat dalam pengurusan sesuatu organisasi. Oleh itu, kejadian yang telah berlaku di Bank Rakyat boleh juga berlaku malahan telahpun berlaku dalam badan-badan bukan Kerajaan seperti syarikat-syarikat swasta.

Akhirnya, sukalah saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Kerajaan tidak akan merasa ragu-ragu untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana pihak dan mana-mana badan perusahaan awam yang menyeleweng dari matlamat dan dasarnya yang sebenar serta mengambil tindakan segera bagi memperbaiki dan membetulkan mana-mana kedudukan badan-badan tersebut yang kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan bagi diputuskan. Soalnya bahawa satu usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$105,705,702 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1979 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun

1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
(Jawatankuasa))

Tuan Pengerusi: Soalnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Maksud Pembangunan P. 31 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1979 diluluskan dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Pada mulanya saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi maksud P. 31.

Maksud P. 31—

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya membentangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 1979 untuk Kementerian Kewangan bagi Maksud P. 31, Perbendaharaan sebanyak \$55 juta dan saya mencadangkan supaya peruntukan ini diluluskan.

Peruntukan sebanyak \$55 juta itu adalah dikehendaki sebagai tambahan pinjaman kepada Bank Rakyat sebagai bantuan kewangan daripada Kerajaan bagi membolehkan Bank tersebut menyusun semula struktur kewangannya. Dengan tambahan ini jumlah pinjaman kepada Bank tersebut akan berjumlah \$155 juta.

Dengan tambahan tersebut, Kerajaan berharap Bank Rakyat akan dapat berjalan dengan lebih licin lagi. Bank Rakyat merupakan satu-satunya koperasi yang terbesar di Malaysia bukan sahaja dari segi hartahartanya tetapi juga daripada bilangan ahli-ahlinya. Pada 31hb Disember, 1975 Bank Rakyat mempunyai 23,463 orang ahli-ahli perseorangan dan 1,011 ahli-ahli daripada koperasi-koperasi. Jumlah sumbangan saham mereka ketika itu berjumlah \$15.907 juta sementara harta-hartanya berjumlah \$142.657 juta.

Kerajaan sangat mengambil berat tentang nasib dan masa hadapan Bank ini memandangkan kepada banyaknya wang rakyat

berpendapatan rendah yang terlibat. Ingin ditegaskan bahawa sekiranya ada terlibat wang rakyat secara langsung, Kerajaan bersedia mengambil sesuatu tindakan yang wajar untuk menentukan supaya wang itu selamat. Malahan pada hujung tahun enam puluhan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menyelamatkan Malayan Banking ketika ianya mengalami krisis kehilangan kepercayaan orangramai terhadapnya.

Masalah dan kelemahan yang dihadapi oleh Bank Rakyat ini adalah besar dan bukannya tertumpu kepada masalah kewangan sahaja. Perhatian dan langkah-langkah tegas telah dan sedang diambil untuk memperkukuhkan organisasi dan pengurusan-nya. Tanpa tindakan tegas di bidang-bidang ini Bank Rakyat tidak mungkin dapat mencapai kejayaan yang diharapkan itu. Dengan adanya bantuan kewangan ini dan juga langkah-langkah positif untuk memperkukuhkan Bank Rakyat, Kerajaan percaya masa hadapan Bank Rakyat adalah lebih terjamin lagi. Namun demikian proses pemulihan Bank Rakyat akan mengambil masa.

Dewan adalah diminta meluluskan tambahan sebanyak \$55 juta itu bagi membiayai perbelanjaan tersebut dan meminda anggaran harga butiran (projek) ini daripada \$100 juta kepada \$155 juta.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.20 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, pada bulan September tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah marahkan ahli-ahli yang menyertai Perhimpunan Agung UMNO kerana tiada seoranganpun yang membangkitkan soal tentang bankerapsi dan pengkhianatan yang dilakukan oleh Bank Rakyat terhadap ahli-ahlinya yang kebanyakan daripada mereka terdiri dari nelayan-nelayan, petani-petani dan pegawai-pegawai Kerajaan rendah yang miskin.

Semalam, dalam perbincangan dasar usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di mana beliau meminta supaya sebanyak \$55 juta lagi dipinjamkan kepada Bank Rakyat, saya terkejut mendengar ucapan-ucapan yang dilafazkan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan khususnya dari UMNO. Tidak ada seorang ahlipun yang melahirkan rasa kemarahan (outrage) atau pandangan beratnya (concerned) terhadap catalogue jenayah-jenayah, perbuatan-perbuatan salah, salah pengurusan dan penyalahgunaan wang dan amanah rakyat sepertimana terbukti dalam Laporan Price Waterhouse mengenai Bank Rakyat.

Apakah ini disebabkan kerana senarai orang-orang yang gagal membayar balik pinjaman kepada Bank Rakyat merupakan satu 'UMNO roll call', yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian termasuk mengandungi nama Ketua Menteri Melaka, Yang Berhormat Mohd. Adib bin Haji Adam, yang telah pada 31hb Disember, 1975 berhutang sebanyak \$357,839 kepada Bank Rakyat dan angka ini telah meningkat kepada \$414,826 pada bulan Jun, 1977. Tadi saya tidak berapa tangkap angka-angka Yang Berhormat Menteri beri, tetapi inilah satu masalah yang serius dan adakah oleh kerana senarai-senarai inipun mengandungi nama seorang Ahli Majlis EXCO Negeri Kedah, Yang Berhormat Zainal Abidin bin Johari yang telah memperolehi pinjaman sebanyak \$800,000 dari Bank Rakyat dalam bulan Mac, 1975 dengan syarat pinjaman ini hendaklah dibayar balik dalam masa 18 bulan tetapi sehingga bulan Jun, 1977 bukan sahaja pinjaman ini belum lagi dibayar balik, malah bayaran faedah ke atas pinjaman tersebut juga tidak dilakukan. Dan setakat 30hb Jun, 1977, jumlah amaun wang yang patut dibayar balik kepada Bank Rakyat oleh Yang Berhormat Zainal Abidin, telah meningkat kepada \$1,084,672. 'UMNO roll call' ini juga mengandungi nama seorang bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, Haji Sapirol bin Haji Hashim, yang telah mendapat pinjaman sebanyak \$170,000 untuk tempoh setahun tetapi setakat 30hb Jun, 1979 masih sebanyak \$128,820 belum lagi dibayar balik. Tadi saya dengar ada tokoh-tokoh dari PAS termasuk, tetapi saya mahu sebut di sini satu nama yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa seorang ahli DAP ada

terlibat saya mahu memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa beliau bukan sekarang ahli DAP.

Dato' Shariff Ahmad: Dia pernah menjadi ahli DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata sekarang dia bukan seorang ahli DAP, mungkin dia sekarang sudah masuk UMNO. Boleh tanya Ibupejabat UMNO.

Backbenchers UMNO dan Barisan yang pada lazimnya selalu mempunyai banyak bahan untuk diutarakan umpamanya mereka mengambil tiga hari untuk membahaskan Rang Undang-undang mengenai Majlis Sukan Negara tetapi sekarang backbenchers ini tidak mahu cakap banyak tentang skandal besar Bank Rakyat ini mana akibat skandal ini, sebanyak \$155 juta wang awam terpaksa dibelanjakan untuk menyelamatkan Bank tersebut. Apakah backbenchers ini berdiam diri kerana mereka tidak mahu menjejaskan peluang-peluang yang mereka mempunyai untuk mendapat pinjaman bukan sahaja dari Bank Rakyat tetapi juga dari institusi-institusi Kerajaan ataupun dari institusi-institusi separuh Kerajaan seperti MARA, BANK BUMIPUTRA, PERNAS dan lain-lain di mana pinjaman sebanyak satu juta ringgit boleh diperolehi dengan tidak payah membayar balik pinjaman tersebut ataupun membayar faedah ke atas pinjaman pun seperti berlaku dalam kes Yang Berhormat Zainal Abidin bin Johari itu.

Saya hendak bertanya backbenchers UMNO dan Barisan apa sudah jadi kepada rasa tanggungjawab, moraliti dan kejujuran atau integriti mereka sehingga mereka tidak merasa outrage, anger, concerned atas pengkhianatan besar yang dilakukan terhadap Dasar Ekonomi Baru oleh skandal Bank Rakyat ini di mana pinjaman-pinjaman diberi kepada sahabat-sahabat dan saudara mara-saudara mara tanpa apa-apa jaminan atau security ataupun mereka tidak dikehendaki membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut yang mana akibat ini Bank Rakyat terpaksa "write off" sebanyak \$9 juta untuk bad dan doubtful loans dan di mana transaction Bank Rakyat diuruskan untuk faedah individu-individu dan bukan bank. Mungkin mereka sedar satu pepatah bahasa

Inggeris yang berbunyi (*Dengan izin*): People who live in glass houses should not throw stones.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya skandal Bank Rakyat bukan fiasco—ini bukan fiasco, tetapi satu skandal Bank Rakyat sebenarnya boleh disifatkan sebagai great swindle of the rakyat tetapi apabila kita dengar ucapan-ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari UMNO dan Barisan Nasional mereka nampak begitu smug, begitu complacent, unconcerned dan mahu beri satu gambaran bahawa apa yang berlaku dalam Bank Rakyat tidak begitu besar dan tidak begitu serius.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih mengatakan kalau DAP berkuasa menjadi Kerajaan apa yang berlaku dalam Bank Rakyat pun akan berlaku juga. Dia menunjukkan sikapnya bahawa apa yang berlaku dalam Bank Rakyat sebenarnya common atau peristiwa hari-hari berlaku. Dan mungkin Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih menganggap peristiwa itu peristiwa yang common. Benar, oleh kerana apa yang berlaku dalam Bank Rakyat pun sudah berlaku dalam lain-lain badan Kerajaan di mana semacam saya kata semalam amalan-amalan korap, salahguna wang rakyat dan salahguna amanah (mismanagement) yang didedahkan dalam Price Waterhouse Report pun ada berlaku di lain-lain badan.

Sebagai satu contoh, semalam saya ada berkata bahawa lima tahun dahulu Bank Bumiputra ada memberi satu pinjaman sebanyak \$2 juta untuk seorang Timbalan Menteri membeli saham, tidak seorang ahli daripada UMNO—Barisan Nasional mempersoalkan ucapan saya, cabaran saya kenapa oleh kerana mereka tahu ini benar. Inilah sabotaj Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dalam Jawatankuasa, perkara yang hendak dibincangkan, dibahaskan, mestilah specific tidak lagi umum (general). Saya harap Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Tumpu atas Bank Rakyat sahaja.

Tuan Pengerusi: Bukan, perkara dalam Kertas Putih Bank Rakyat mestilah dibahaskan specific bukan lagi umum (General).

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan specific dalam perkara Bank Rakyat. Dan di sini saya katakan "shame" kepada ahli-ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional yang tidak menghiraukan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam UMNO General Assembly bahawa perkara ini tidak boleh diketepikan. Saya rasa satu misfortune Dewan ini mendengar suatu ucapan begitu sycophantic snibbling oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang bukan sahaja tidak ada sense of outrage tetapi apa yang berlaku satu penyelewengan kepada nelayan-nelayan dan petani-petani tetapi juga boleh memberi peluang untuk marah kepada pembangunan. Lebih baik kalau beliau mencontohi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak MCA yang diam-diam sahaja.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong nanti sekejap.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini untuk menjawab pertanyaan daripada orang lain.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order atau penjelasan, saya hendak tahu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya mesti dengar ucapan itu dahulu, baharu saya tahu sama ada penjelasankah ataupun hal lain. Saya mesti dengar dahulu ucapannya.

Tuan Lim Kit Siang: Ahli Yang Berhormat itu berdiri on a point of order atau penjelasan, itu yang dia mesti terangkan dahulu sebelum dia bercakap.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat wakil dari Petaling ini hendak menjawab apa yang orang kata. Dan.....

Tuan Lim Kit Siang: Beliau hendak membuat penjelasan atau on a point of order.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:..... untuk memberi penerangan bukan luar daripada apa yang telah dikatakan oleh pihak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya pun belum dengar lagi ayat yang sah daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Saya

mesti benarkan dia sebut dahulu apa dia percakapannya baharu saya tahu sekarang ini bukan rekaan iaitu adakah berkenaan dengan Standing Orders atau penerangan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, apa yang diucapkan oleh wakil dari Petaling tadi bukan untuk membincangkan apa yang kita bincangkan sekarang tetapi untuk melepaskan perasaannya dan mengatakan sesuatu kepada orang lain yang dia tidak suka kerana orang lain juga berhak mengatakan kepada beliau...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, apa yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu ialah perkara yang saya sebutkan tadi supaya Ahli Yang Berhormat dari Petaling membuat hujah-hujah yang specific atau khusus dalam Jawatankuasa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk mengakhiri ayat saya tadi, bahawa lebih baik kalau Ahli Yang Berhormat itu mencontohi apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada MCA buat sebagai traditional three monkeys—tidak tahu, tidak lihat, tidak sedar apa yang berlaku dalam tanahair kita.

Tuan Pengerusi, biarkan saya memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh bahawa Partai DAP tidak akan menjadi seperti Ahli-ahli Barisan dan UMNO yang mana kita tidak akan maafkan atau tolak ansur dengan rasuah, perbuatan-perbuatan salah penyalahgunaan wang dan amanah awam dan salah pengurusan yang berlaku di dalam perperbadanan-perbadanan dan syarikat-syarikat awam dan kita akan mengadakan satu siasatan awam yang menyeluruh untuk membongkar serta mengikis sebarang skandal seperti skandal Bank Rakyat yang berlaku dalam lain-lain badan untuk 'bring to book' sabotir-sabotir besar Dasar Ekonomi Baru yang terdapat di dalam perbadanan-perbadanan dan syarikat-syarikat awam ini. Ahli dari Pasir Puteh menentang sebarang siasatan umum seperti itu dan saya tidak tahu mengapa beliau mahu membela sabotir-sabotir besar Dasar Ekonomi Baru itu tetapi ini jelas menunjukkan kecenderongan-kecenderongan politik dan persendirianya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan sebanyak \$55 juta ini, Kerajaan sebenarnya telah memberikan sejumlah \$155 juta kepada Bank Rakyat untuk menyelamatkan Bank tersebut dari menjadi bankrap. Saya ingin tahu berapakah lamanya tempoh penyelamatan ini iaitu "Salvation period" akan mengambil dan bilakah pinjaman sebanyak \$155 juta ini akan dibayar balik kepada Kerajaan. Saya juga ingin tahu sama ada lebih banyak lagi wang awam akan dikehendaki dalam masa akan datang untuk menyelamatkan Bank Rakyat.

Semasa mencadangkan Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Peruntukan-peruntukan Khas) di dalam Dewan ini pada 19hb Disember, 1977 yang mana Rang Undang-undang ini memberikan kuasa kepada Kerajaan untuk mengambil alih bank tersebut, Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri telah berkata bahawa semasa Kerajaan mengambil alih Bank Rakyat, beliau dan Menteri Kewangan hendak menerima laporan suku tahun dari Bank tersebut. Saya sangat dukacita bahawa dalam ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam, Menteri Kewangan tidak memberikan Dewan ini dan juga negara satu laporan mengenai kedudukan dan operasi banking terakhir Bank Rakyat yang mana Dewan ini berhak diberitahu memandangkan Dewan ini meluluskan sebanyak \$155 juta kepada Bank Rakyat.

Dalam pandangan saya, semasa tempoh Bank Rakyat diambil alih oleh Kerajaan Bank tersebut hendaklah diletakkan di bawah penyeliaan dan bidangkuasa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee) Dewan Rakyat supaya menentukan bahawa wang awam digunakan dengan baik dan di "accounted for," dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh membawa perkara ini kepada Kabinet dan mengambil langkah-langkah perundangan yang perlu ke arah ini.

Dewan ini juga berhak untuk mengetahui apakah tindakan yang telah diambil bersabit dengan senarai yang panjang nama penghutang yang gagal membayar kembali hutang mereka, dan mahukan jaminan yang tidak mengira kedudukan, taraf, atau hubungan parti, tindakan undang-undang

akan diambil terhadap mereka yang gagal membayar hutang tersebut, kerana ini melibatkan wang rakyat.

Tuan Pengerusi, satu babak yang paling sedih di dalam Pengkhianatan Agung Bank Rakyat adalah peranan yang dimainkan oleh pemeriksa kira-kira Bank tersebut, Kassim, Chan & Co. sebagaimana yang tercatat di dalam Kertas Putih mengenai Bank Rakyat. Dengan izin saya bacakan satu perenggan:

“Kebanyakan perkara-perkara yang telah berlaku adalah berpunca dari penyelewengan-penyelewengan oleh Pengarah Urusan dan beberapa orang pegawai Bank. Namun demikian, sekiranya Yang di-Pertua Jemaah Pengarah, Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama dan juru odit luar telah menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna, mereka sudah tentu dapat mengelakkan pihak pengurusan daripada terus melakukan perbuatan yang salah dan dengan itu mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh ahli Bank Rakyat.”

Tuan Pengerusi, Juru Odit, Kassim, Chan & Co, telah gagal untuk membuat komen atas beberapa issue yang penting terhadap akaun 1973 dan 1974. Penyiasatan Price Waterhouse juga membongkar yang juruodit tidak membuat komen yang sempurna atas:

- (a) Penyimpanan rekod akaun yang sempurna;
- (b) Peruntukan pinjaman yang dicurigai;
- (c) Penilaian pelaburan di dalam stok dan saham-saham ketika harga pasaran waktu itu sangat rendah dari kos yang sebenarnya.

Terdapat juga conflict of interest di dalam perkara ini di mana Encik Mohd. Kassim bin Sulong dari Kassim, Chan & Co. yang mengambil pinjaman \$100,000 dari Bank Rakyat cawangan Kuala Lumpur pada 31-1-1974, dan walaupun pinjaman tersebut dikehendaki dibayar dalam tempoh tiga tahun, namun tidak ada sebarang bayaranpun dalam tahun 1975. Pada 30-6-1977, baki yang tinggal bagi pinjaman tersebut adalah \$146,485, yang bererti salah seorang juru odit Bank tersebut termasuk ke dalam kategori peminjam yang bukan sahaja tidak membayar, tetapi juga tidak membayar bunga atau faedah interestnya.

Di dalam negara-negara lain, kelalaian dan conflict of interest ini akan mengakibatkan tindakan professional diambil terhadap firma juru odit, dan saya ingin tahu apakah Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap Kassim, Chan & Co. kerana kelalaian professional dan konflik kepentingannya, yang membawa antaranya kepada kerugian yang maha besar itu.

Konflik kepentingan yang begitu, dan kegagalan untuk membezakan tanggungjawab umum dari kepentingan peribadi, untuk mengetahui benar dari salah, menyelubungi keseluruhan skandal Bank Rakyat, mengautkan lagi komen Ketua Hakim, Yang Arif Tan Sri Raja Azlan Shah, ketika mendapati Datuk Harun Idris bersalah di dalam Kes Hongkong and Shanghai Banking Corporation, dari “a frightening decay in integrity of some of our leaders”.

Malangnya, ‘frightening decay in integrity’ ini bukan sahaja melibatkan pemimpin-pemimpin politik, tetapi juga partai-partai politik. Saya rujukkan kepada kick-back yang tidak dibenarkan yang diterima oleh UMNO Selangor dari Bank Rakyat yang berjumlah \$82,500 yang menjadi salah satu item yang menjadikan kerugian sebanyak \$65.233 juta yang ditanggung oleh Bank Rakyat.

Pada 3hb September, 1974, Bank Rakyat telah membayar \$82,500 kepada UMNO Selangor sebagai kick-back dalam bentuk faedah tambahan bagi kadar ½% atas simpanan tetap \$26.5 juta yang disimpan di Bank Rakyat cawangan Kuala Lumpur oleh Kerajaan Negeri Selangor. ½% faedah tersebut adalah merupakan tambahan kepada kadar faedah yang tercatat pada resit simpanan tetap, dan penyiasatan Price Waterhouse telah diberitahu oleh seorang pegawai Bank Rakyat, Mohd. Ghazally Shahabudin, yang ini telah dipersetujui secara lisan antara Datuk Harun dan Abu Mansor Basir. Mohd. Ghazally Shahabudin juga menyatakan yang ia telah menerima arahan lisan dari Abu Mansor Basir, Pengarah Urusan, untuk membayar faedah tersebut kepada UMNO Selangor.

Perenggan 20.8 Laporan Price Waterhouse ada berkata: (*dengan izin*): “In November 1976, the General Manager of the Bank instructed the Bank’s solicitors to write to

UMNO, Selangor for a refund of the \$82,500. In his reply to the solicitors, Tuan Haji Ahmad Razali bin Haji Mohd. Ali, the Liaison Secretary of UMNO Selangor and Federal Territory (Setiausaha Perhubungan UMNO Selangor dan Wilayah Persekutuan), confirmed that UMNO Selangor had received the \$82,500 as a donation by the Bank to the UMNO Selangor Liasion Fund (Tabung Perhubungan UMNO Selangor). He said that UMNO Selangor was not aware how the funds were obtained by the Bank and that UMNO Selangor was of the opinion that the sum \$82,500 was received in good faith as a donation and would not, therefore, refund the money to the Bank or any other person".

Tuan Pengerusi, saya sungguh terkejut dengan pendirian yang diambil oleh UMNO Selangor, khususnya oleh Setiausaha Perhubungannya, Tuan Haji Ahmad Razali yang sebenarnya adalah Timbalan Menteri Besar Selangor, kerana ianya gagal menunjukkan kefahaman atau tidak mempunyai integriti politik dan moral, ini membuat beliau tidak layak untuk menjadi pemimpin Kerajaan Negeri, inikan pula menjadi seorang Timbalan Menteri Besar.

Bagaimanakah Tuan Haji Ahmad Razali dengan tidak malu mengatakan yang "the UMNO Selangor was not aware how the fund were obtained by the Bank", apabila sewaktu operasi tersebut, Pengerusi UMNO Selangor adalah tidak lain dan tidak bukan terdiri dari Datuk Haji Harun Idris, yang juga menjadi Menteri Besar Selangor dan Pengerusi Bank Rakyat.

Di dalam kes Hongkong and Shanghai Bank, Yang Arif Tan Sri Raja Azlan Shah, telah berkata yang beliau tidak faham bagaimana seorang yang memegang jawatan seperti Datuk Harun Idris tidak tahu "recognise corruption for what it is". Nam-paknya sekarang adalah nyata bahawa perkara tidak boleh "recognise corruption for what it is" bukan berlaku kepada seorang tetapi **kegagalan untuk mengiktiraf rasuah "for what it is" juga mengkaitkan Timbalan Menteri Besar Selangor, Tuan Haji Ahmad Razali dan semua pemimpin-pemimpin UMNO Selangor malahan juga Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional dalam Dewan ini tidak boleh "recognise corruption for what**

it is" kecuali mereka bersedia berdiri dan mengakui secara umum yang \$82,500 itu adalah wang yang tainted, wang kick-back, wang yang berpunca dari korupsi. Kalau tidak Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO termasuk Ahli-ahli dari Pasir Puteh, Tanah Merah tidak boleh "recognise corruption for what it is".

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, lantaran nama saya disebutkan sekejap tadi, izinkan saya memberi penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri jalan. Beliau boleh bercakap nanti.

Tuan Pengerusi: Tidak dibenarkan (*kepada Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad*)

Tuan Lim Kit Siang: Bagaimana.....

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri jalan. Beliau boleh bercakap nanti.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Yang dikatakan oleh wakil dari Petaling itu.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh, mengikut Peraturan Mesyuarat, kalau Ahli yang bercakap tidak beri jalan, Yang Berhormat terpaksa duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Bagaimanakah satu perang yang berkesan bagi menentang rasuah di Malaysia dapat diadakan, bagaimanakah BSN akan berkesan sedangkan pemimpin-pemimpin politik, termasuk Ahli Parlimen yang baru mahu bercakap tadi, tidak boleh "recognise corruption for what it is" dan semalam Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pun sanggup bangun di Dewan ini untuk mempertahankan rasuah oleh kerana beliau kata \$82,500 ini tidak salah. Itukah tindakan mempertahankan rasuah (*Tepuk*) dan saya kata malu. Wang sebanyak \$82,500 ini adalah kepunyaan Bank Rakyat dari segi undang-undang dan moral, dan UMNO Selangor hendaklah mengembalikannya wang tersebut kepada Bank Rakyat sekiranya ia tidak mahu bersalah di dalam membantu dan bersubahat (aid and

abet) amalan-amalan berasuah, dengan menyamun (rob) wang petani-petani, nelayan-nelayan miskin dan menjadi sabotir utama Dasar Ekonomi Baru, oleh kerana Kerajaan meminta tambahan sebanyak \$55 juta untuk membantu Bank Rakyat bagi menghadapi kerugian yang termasuk \$82,500 kick-back yang tidak authorise kepada UMNO Selangor. Ini bermakna kita diminta mengsubsidiakan kick-back sebanyak \$82,500 kepada UMNO Selangor. Ini tidak boleh diterima dan inilah sebabnya saya akan mencadang pindaan untuk mengurangkan sebanyak \$82,500 dari peruntukan \$55 juta itu kerana jumlah wang itu hendaklah dibayar balik dan diganti oleh UMNO Selangor. Saya menyeru semua Ahli-ahli Parlimen, khususnya Ahli-ahli Parlimen dari Selangor, termasuk Timbalan Menteri Kewangan yang baru mengemukakan usul ini, dan semua Ahli-ahli Parlimen, termasuk wakil dari Sepang, Ketua Pemuda UMNO, berdiri dan tunjuk pendirian mereka, sama ada mereka menyokong dan menyetujui perbuatan rasuah tersebut atau sama ada mereka menentang perbuatan rasuah tersebut.

Saya akan meminta supaya diadakan satu 'Division' atas pindaan saya ini, kerana ia melibatkan soal asas kejujuran parti-parti politik, terutama sekali dari parti pemerintah yang terlibat. Saya berharap 'Division' dan pindaan saya ini akan mendapat sokongan Ahli-ahli Parlimen, baik pun mereka itu datang dari UMNO, Barisan Nasional ataupun PAS untuk menunjukkan sama ada mereka treasure prinsip political integrity atas parti affiliation.

Dan dengan ini, saya mencadangkan:

"Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam Maksud P. 31 Butiran (9) berkaitan dengan Bank Rakyat dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1979 dikurangkan sebanyak \$82,500."

Saya harap bahawa di Dewan ini kita tidak akan dengar ucapan-ucapan mempertahankan rasuah.

4.50 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya Ketua Pembangkang untuk

mengurangkan wang sebanyak \$82,500 daripada \$55 juta yang diminta Dewan ini meluluskan.

Tuan Pengerusi, sepertimana rakan saya berkata tadi pada 19hb Disember, 1977 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa meminta Dewan ini untuk meluluskan pinjaman sebanyak \$100 juta kepada Bank Rakyat pernah berkata di dalam Dewan ini juga bahawa sekiranya pinjaman bantuan kewangan tidak diberi oleh Kerajaan, maka Bank Rakyat akan bankrap. Dan kerana kekhawatiran, kebimbangan inilah yang Bank Rakyat akan menjadi bankrap bahawa Kerajaan mengambil langkah untuk menyelamatkannya dan juga to save its own face, Tuan Pengerusi.

Kerajaan sehingga hari ini telah gagal untuk menerangkan kepada Dewan ini yang pernah meluluskan \$100 juta dahulu tentang bagaimana dan sama ada positive results telah dicapai selepas memberi pinjaman \$100 juta itu.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Parlimen dan rakyat berhak untuk mendapat tahu sama ada \$100 juta yang dipinjamkan kepada Bank Rakyat pernah digunakan bagi maksud-maksud yang ditujukan untuk menyelamatkan imej Bank Rakyat *alias* "Bank Bankrap" ataupun.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya nasihatkan supaya perkataan "Bank Bankrap" itu ditarik balik. Bank itu bukan bankrap.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, perkataan "bankrap" ini pernah digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada 19hb Disember, 1977. Dan ini saya bukan menuduh apa-apa, saya quote Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk dahulu sebentar! Bank Rakyat mengalami kesulitan, mengalami kerugian, tetapi Bank itu hari ini belum lagi bankrap.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa akan bankrap sekiranya pinjaman itu tidak diberi dan apa yang saya berkata di sini adalah imej Bank Rakyat *alias* Bank Bankrap.

Tuan Pengerusi: Dalam bank tidak ada alias!

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, kalau sekiranya Tuan Pengerusi mahukan saya juga tarik balik perkataan Bank Bankrap, maka saya tarik balik. Mungkin sensitif sedikit perkataan ini.

Tuan Pengerusi: Bukan sensitif, tetapi tidak kena mengena perkataan itu dengan nama Bank Rakyat dan jangan terlampau main politik sangat dalam perkataan ini (*Tepuk*).

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, minta untuk meneruskan ucapan saya.

Tuan Pengerusi, kita hendak tahu sama ada malpractices dan mismanagement yang pernah berlaku di dalam pentadbiran Bank Rakyat juga diulangi sekarang. Inilah apa yang rakyat dan Ahli-ahli Parlimen patut diberitahu.

Tuan Pengerusi, Dewan ini dan juga seluruh negara perlu mendapat satu gambaran yang terang tentang bagaimana \$100 juta pinjaman yang dibuat dahulu itu digunakan memandangkan fact bahawa prinsip accountability tidak wujud dalam Bank Rakyat pada masa yang lalu. Apa yang kita hendak tahu hari ini selepas kita pernah meminjam \$100 juta ini, adakah prinsip accountability wujud oleh kerana Dewan ini diminta untuk meluluskan tambahan pula hari ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dalam perkara usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Petaling tadi berbunyi:

“Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam Maksud P. 31 Butiran 9 berkaitan dengan Bank Rakyat dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Bil (2) tahun 1979 dikurangkan sebanyak \$82,500”.

Perkataan yang patut dihormati dalam usul ini ialah ‘dikurangkan sebanyak \$82,500’. Saya minta supaya Yang Berhormat boleh menumpukan sokongan kepada usul ini kepada pengurangan itu dan jangan banyak bercanggah tentang hal lain.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pada ketika ini akan sampai kepada detail.

Tuan Pengerusi: Harap cepat sedikit.

Tuan P. Patto: Terima kasih Tuan Pengerusi, dalam menyokong usul ini, saya ingin menarik perhatian kepada satu dua perkara.

Yang pertama, saya perlu ulangi bahawa angka yang diminta untuk dikurangkan oleh Ketua Pembangkang iaitu \$82,500 adalah merupakan satu angka wang yang telah diberi kepada UMNO Selangor sebagai faedah $\frac{1}{2}\%$ tambahan kepada \$26.5 juta Fixed Deposit yang disimpan dalam Bank Rakyat oleh Kerajaan Negeri Selangor dan sepertimana rakan saya berkata tadi ini adalah satu “kick back” kepada UMNO Selangor.

Tuan Pengerusi, tiada sesiapa pun menyoal sekiranya pembayaran \$82,500 ini dibuat kepada UMNO Selangor sekiranya Fixed Deposit sebanyak \$26.5 juta ini kepunyaan UMNO Selangor. Kalau Fixed Deposit ini kepunyaan UMNO Selangor dan \$82,500 ini diberi oleh Bank Rakyat kepada UMNO Selangor, tiada sesiapa pun mahu menyoal oleh kerana mereka berhak menerima faedah. Tetapi di sini, Tuan Pengerusi, malangnya yang menjadi tuanpunya Fixed Deposit bukan menerima \$82,500, yang mendapat \$82,500 adalah orang yang lain.

Jadi di sinilah kita mesti memperhatikan dan oleh kerana wang ini adalah satu pembayaran unauthorised dan UMNO Selangor adalah, dengan izin, morally obliged untuk memulangkan wang ini kepada Bank Rakyat dan UMNO Selangor merupakan juga bertanggungjawab untuk menjadikan Bank Rakyat hampir-hampir bankrap.

Tuan Pengerusi, sekiranya UMNO Selangor mempunyai morality politik, kejujuran dan integrity politik, ia patut memulangkan wang ini kepada Bank Rakyat dan bukan menjadi tamak dan pegang \$82,500 ini lagi.

Tuan Pengerusi, UMNO Malaysia terutama sekali Bendahari Agung UMNO merangkap Menteri Kewangan, saya harap akan memberi perhatian kepada perkara ini dan menentukan UMNO Selangor membayar balik wang ini yang sebenarnya wang nelayan, wang peladang yang miskin.

Tuan Pengerusi, Dewan ini tidak boleh subsidise, rakyat tidak boleh subsidise satu pembayaran unauthorised kepada UMNO Selangor.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, merupakan satu perkara yang seluruh negara tahu iaitu perkara mengenai United Manufacturers Sdn. Bhd.

Nampaknya Dewan ini juga diminta untuk subsidise satu pendahuluan yang pernah diberi satu advance sebanyak \$7.4 juta oleh United Manufacturers Sdn. Bhd, kepada Tinju Dunia Sdn. Bhd untuk stage heavyweight boxing match di antara Muhammad Ali dan Joe Bugner di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, United Manufacturers Sdn. Bhd., adalah sebuah syarikat di mana Bank Rakyat mempunyai 95% saham pada 31hb Disember, 1975 dan perniagaan syarikat ini sepertimana yang dinyatakan di dalam Kertas Putih ini, saya quote: "Importation and sales of construction and agricultural equipment." Itulah perniagaan United Manufacturers Sdn. Bhd. bukan "BOXING MATCH". Tetapi malangnya, Bank Rakyat yang mempunyai 95% dalam United Manufacturers Sdn Bhd., memberi pendahuluan \$7.4 juta kepada satu syarikat lain yang tidak terlibat di dalam importation and sales of construction and agricultural equipment.

Saya tidak tahu bagaimana Muhammad Ali dan Joe Bugner jadi construction and agricultural equipment, dan sekiranya syarikat ini mahu melabur dalam mana-mana syarikat perniagaan, boleh; tetapi asalkan ia tumpu kepada tujuan syarikat itu, bukan boxing match, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya tidak faham bagaimana pendahuluan ini boleh dibuat oleh syarikat ini dan kita mendapat tahu daripada Kertas Putih juga, United Manufactures Sdn. Bhd. di katakan telah mengalami kerugian dalam dua bentuk berjumlah \$26,131,133 daripada jumlah kerugian yang dialami oleh Bank Rakyat.

Nampaknya, kerugian Bank Rakyat melalui syarikat ini juga termasuk, mungkin kalau tidak, saya harap Menteri boleh menafikan dan membuktikan juga yang melibatkan \$7.4 juta yang diberikan kepada Tinju Dunia Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi, rakyat sedar dan kita semua sedar bahawa penglibatan Bank Rakyat di dalam boxing match itu adalah dengan motif-motif politik. Kerana, yang pertama, timing

boxing adalah serentak dengan Perhimpunan Agong Pemuda UMNO dan kita masih ingat Muhammad Ali sendiri ada di dalam persidangan ataupun perhimpunan Pemuda UMNO. Saya tidak tahu, bila beliau menjadi ahli UMNO ataupun menjadi pemerhati di dalam perhimpunan UMNO.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat sendiri, apakah kaitan di antara Joe Bugner, boxing match ini dengan perkara mengurangkan sebanyak \$28,500 yang di dalam usul ini disebutkan diberi kepada UMNO Selangor.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya rasa yang diminta oleh rakan saya Ketua Pembangkang supaya wang sebanyak \$82,500 dikurangkan, itu melibatkan dengan pemberian atau pembayaran unauthorised kepada UMNO Selangor. Itu benar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tahukah perkara itu sah? Adakah Yang Berhormat tahu yang perkara ini sah iaitu wang \$82,500 ini berkaitan dengan pemberian daripada perlawanan boxing antara Muhammad Ali dengan Joe Bugner.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, dalam menyokong Usul yang dibawa oleh rakan saya, saya rasa terpaksa juga saya memperkuatkan argument saya.

Tuan Pengerusi: Tetapi hendak menguatkan argument itu mestilah tepat dan khusus kepada Usul yang dikemukakan, dalam bahasa Inggerisnya direct to the point. Saya tidak mahu lagi berpanjangan di dalam perkara ini, saya harap Ahli Yang Berhormat, hormati apa yang saya nasihati kepada Ahli Yang Berhormat, dan kalau boleh berilah hujjah-hujjah yang tepat dan khusus untuk menyokong Usul ini.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan cuba untuk menumpukan pandangan saya kepada sebab-sebab mengapa \$82,500 ini patut dikurangkan daripada jumlah \$55 juta yang diminta untuk diluluskan. Dan dalam pada itu, saya harap, Tuan Pengerusi boleh bersabar sedikit, oleh kerana mungkin sebab-sebab yang akan melibatkan lain-lain syarikat di mana kerugian juga pernah berlaku dan kita tidak mahu

pengulangan di situ dan untuk perhatian pihak Kerajaan maka saya membawa kepada hal-hal yang lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara ini berkaitan dengan sabar saya. Perkara ini berkaitan dengan fikiran, pandangan saya apa yang betul, apa yang tepat, apa yang tidak betul, apa yang tidak tepat. Ini bukan kira sabar. Dan saya harap, Ahli Yang Berhormat tolong tumpu kepada sokongan kepada usul ini mengikut apa-apa perkara yang berkait dengan wang \$82,500 ini dengan khusus, itu sahaja saya minta.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam hal ini, saya ingin mengingatkan pihak Kerajaan bahawa saya berharap Dewan ini tidak akan di minta sekali lagi selepas \$55 juta ini minus \$82,500 untuk diluluskan dan saya harap Dewan ini tidak akan diminta untuk meluluskan pinjaman-pinjaman lain kepada Bank Rakyat oleh kerana nampaknya Bank Rakyat akan menjadi satu incorrigible debtor, selalu mahu diberi pinjaman-pinjaman dan saya akhiri dengan menyokong cadangan yang dibawa oleh Ketua Pembangkang.

5.10 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya telahpun mengikut perbincangan mengenai cadangan yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekejap tadi supaya Dewan ini mengurangkan peruntukan yang dipohon oleh Kerajaan sebanyak \$82,500 daripada jumlah \$55 juta yang dikehendaki oleh Bank Rakyat.

Tiap-tiap satu perbuatan itu, Tuan Pengerusi, dan tiap-tiap satu pindaan itu bergantung kepada niat, bergantung kepada tujuan, bergantung kepada maksud. Kalau sesuatu perbuatan itu adalah niatnya jahat, tidak kira apa bentuk rupa perbuatan itu, memang dia jahat (*Tepuk*). Kalau sesuatu pindaan itu merupakan satu pindaan yang baik maka walau apa carapun yang dilakukannya pindaan itu akan dilihat sebagai satu pindaan yang baik. Tetapi sebaliknya apabila membahaskan usul ini, apabila membentangkan cadangan meminda peruntukan yang dibawa oleh Kementerian saya bagi pihak Kerajaan supaya mendapatkan kelulusan \$55 juta ini dan apabila

telah dikemukakan pindaannya kepada jumlah \$55 juta itu supaya dikurangkan sebanyak \$82,500 jelas dan nyata bahawa perbuatan sebagaimana yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang memang mempunyai tujuan yang lain daripada yang baik (*Tepuk*). Oleh sebab itu, pihak Kerajaan tidak dapat menerima pindaan yang dikemukakan ini, walau apapun yang dikatakan oleh pihak Pembangkang atau apa prinsip sekalipun kita tidak dapat menerima, oleh kerana kita berkeyakinan dan kita memang sedar tentang tanggungjawab kita. Oleh itu kita berani mengeluarkan Kertas Putih, tidak memadai dengan Kertas Putih, kita telah lampirkan bersama pula penyata dan laporan yang telahpun disediakan oleh **Price Waterhouse & Company**, menerangkan segala-galanya kalau ada orang UMNO daripada roll call UMNO katanya masukkan sama, yang daripada bekas DAP pun masuk sama, daripada PAS pun masuk sama, kerana kita hendak menunjukkan kebenaran kepada dunia ini, kita tidak sanggup melindungi satu perkara pun, oleh sebab itu kita bertindak dengan tidak menunggu rintihan daripada rakyat lebih-lebih lagi daripada Pihak Pembangkang (*Tepuk*). Kita bertindak atas kepentingan negara, atas kepentingan rakyat, itulah sebabnya kita mengambil pindaan seumpama ini. Tidak perlu kita hendak berhujah lagi atas masalah ini oleh kerana apa yang penting pada masa ini, Bank Rakyat perlu diperbaiki, Bank Rakyat perlu ditolong atas kepentingan ahli-ahli dan orang yang telah menaruh kepercayaan kepada Bank ini dan mereka menunggu-menunggu kelulusan Dewan ini untuk mendapat wang yang dipohonkan itu.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, \$155 juta itu tidak memadai mengikut laporan awal yang telah diterima oleh Kerajaan. Mungkin ia berkehendakkan lebih daripada \$155 juta, tetapi Kerajaan berfikir buat pada masa ini eloklah kita tambah \$55 juta sahaja kepada \$100 juta yang telahpun diluluskan oleh Dewan ini tempoh hari. Jadi sekarang hendak dipotong pula \$82,500 sedangkan \$155 juta pun tidak cukup. Bukan Ahli-ahli Pembangkang tidak faham, bukan dia tidak membaca Kertas Putih, bukan dia tidak membaca Laporan penyata daripada Price Waterhouse. Dia faham, dia semua pandai membaca, dia semua pandai menganalisa, dia

semua memahami keadaan-keadaan yang telahpun disentuh di dalam penyata ini. Tetapi sengaja atas niat liarnya, atas tujuan politiknya kerana hendak menconteng arang kepada Barisan Nasional, kepada UMNO, itulah sebabnya dia seret perkara ini ke dalam Dewan yang mulia ini, dan menghabiskan masa kita yang tidak patut dihabiskan dengan cara permainan politik seumpama ini. Oleh sebab itu, saya tidak mahu lagi mendengar putar belit daripada pihak Pembangkang ini yang sudahpun tidak ada modal yang asli daripadanya, tinggal daripada apa yang dapat dikait dan disedut daripada penyata yang disediakan oleh Kerajaan, maka saya sukalah mencadangkan supaya Dewan ini menolak cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk mengurangkan sebanyak \$82,500 daripada apa yang telah dipohonkan oleh Kerajaan.

Dato Mohamed bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Minta duduk dahulu. Mahu menyokong?

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, sokongan apa?

Tuan Pengerusi: Sokongan menolak Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, ini bukan usul, itu cadangan dia; usul di hadapan Dewan ialah usul saya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, mengikut loghat bahasa tadi, Ahli Yang Berhormat membawa usul dan disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu. Dan sekarang ini datang pula satu pandangan dan pendapat daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan serta disokong pula iaitu usul ini tidak patut diterima, dalam perbahasan Jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, on a point of order. Kita baru ada satu usul pindaan yang kita hadapi sama ada akan ditolak, itu terserah kepada Dewan. Tetapi apa Yang Berhormat Menteri kata ialah pandangan dia dan bukan satu usul dan perkara sokongan

tidak timbul. Saya pun tidak tahu mengapa dia takut Ahli-ahli UMNO dari Barisan Nasional bercakap, dia mahu tahan mereka bercakap dan memberi mereka peluang bercakap.....

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya ini mempunyai aturan-aturan mesyuarat yang saya bawa dan sebelum saya datang dalam Dewan ini tadi telahpun mendapat nasihat-nasihat daripada pihak yang berkenaan macam mana perkara ini dapat kita jalankan mesyuarat dengan tertib dan baik. Jadi saya ada peraturan-peraturan saya, bukan saya datang ini membuat keputusan liar sahaja, jadi mengikut daripada peraturan-peraturan yang telah disediakan iaitu selepas Yang Berhormat dari Petaling membuat usul itu tadi dan disokong oleh Yang Berhormat dari Menglembu. Maka perkara usul ini akan diminta untuk diputuskan dalam Dewan ini, iaitu siapa yang bersetuju dan siapa tidak bersetuju. Dalam konteks hendak mendapatkan persetujuan ataupun tidak maka saya benarkan Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap dan cakapan serta pendapat beliau itu disokong pula oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan. Itu sahaja, ini mengikut peraturan-peraturan dalam mesyuarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Petaling yang disokong oleh Yang Berhormat dari Menglembu telahpun dikemukakan kepada Jawatankuasa ini, maka sekarang ini saya kemukakan usul ini kepada Jawatankuasa iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata bersetuju.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta diadakan division.

Tuan Pengerusi: Dalam perkara ini, Ahli Yang Berhormat, tidak ada dibuat dalam peraturan "division", cuma dibuat dalam perkara ini undian sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, undi. Saya minta satu division untuk diundi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, atas permintaan Ahli Yang Berhormat dari

Petaling minta undi cara belah bahagian (division) iaitu berkehendakkan 15 orang menyokong. Yang menyokong undi supaya berbelah bahagi, sila bangun.

(Kurang daripada 15 Ahli bangun)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Sekarang perbahasan dalam Jawatankuasa diteruskan, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.19 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih pada peluang yang diberi kepada saya.

Nampaknya pihak Ketua Pembangkang itu tidak hendak melawan Menteri, tetapi nampaknya dia hendak melawan saya dalam ucapan ini. Maka saya mencabar dan bangun untuk memperkatakan sesuatu, tetapi malangnya Ketua Pembangkang, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Petaling nampaknya telah meninggalkan Dewan ini, tidak mahu mendengar apa yang saya kata dan apa yang saya akan cakapkan. Inilah sikap degil dan kalau hendak dikatakan bodoh pun boleh, kerana mereka ini tidak faham apa yang kita cakap, tetapi mereka suruh kita memaham apa yang beliau cakap. Contohnya, Ketua Pembangkang sendiri telah lari meninggalkan Dewan ini, pada hal pada mulanya dia minta supaya saya bercakap dan membahaskan apa yang telah dicakapkan dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya ahli-ahli back-benchers yang ada di sini bukan takut untuk membahaskan sesuatu atau mengatakan sesuatu kerana di dalam soal apa yang kita bincangkan sekarang sebagaimana diterangkan oleh pihak Menteri adalah untuk memberi peruntukan dan untuk menghidupkan semula Bank Rakyat. Bukan kita hendak mencungkil-cungkil atau hendak memarah-marahkan kepada orang yang ada membuat pinjaman ataupun orang-orang yang terlibat dengan bank ini kerana keputusan telah-pun dibuat oleh Mahkamah tentang siapa yang menyeleweng, tentang siapa yang salah, tentang siapa yang melakukan apa yang

disebut oleh pihak Pembangkang tadi. Jadi apa guna marah orang yang telah menerima hukuman, hanya menghabiskan dan menghamburkan air liurnya sahaja—tidak memberi faedah. Tetapi malangnya DAP tidak berpuas hati dengan pengakuan yang diberi oleh pihak Menteri dan Kerajaan kita bahawa akan mengambil tindakan setiap apa yang berlaku dan kalau pembayar hutang ini tidak membayar hutang juga, pihak Menteri Pertanian telah menyatakan yang beliau akan mengambil tindakan dan pihak Bank Rakyat sendiri akan mengambil tindakan apakah tidak puas dengan kenyataan itu? Jadi nampaknya sebagaimana yang dikatakan tadi pihak DAP ini untuk bermain politik di dalam soal mengeksploitasikan keadaan yang timbul ini untuk kepentingan parti mereka sendiri.

Kita tahu apa yang telah berlaku, apa yang salah dan orang yang salah telah menerima hukuman; sekarang ini siapa yang salah—Kerajaan? Hanya DAP yang menuduh Kerajaan yang bersalah, kerana beliau tidak bertanggungjawab apa pun dalam pelaksanaan dalam negara ini, hanya tanggungjawab mengkritik, menyatakan apa yang salah tetapi tidak memberi pertolongan di dalam membina ataupun memberi pembangunan atau pelaksanaan dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Inilah putar-belit DAP yang selalu bermain-main dalam Dewan ini tetapi malangnya Ketua Pembangkang atau Wakil dari Petaling tidak ada dalam Dewan ini tetapi saya percaya beliau mendengar apa yang saya katakan ini di bilik-bilik yang beliau duduk menunggu.

Tuan Pengerusi, sebagaimana dalam ucapan saya kelmarin telah dibangkitkan juga mengatakan yang saya katakan apa yang berlaku dalam Bank Rakyat sekarang, saya rasa perkara ini akan lebih dahsyat lagi berlaku kalau DAP yang berkuasa dalam Bank Rakyat ini, kerana kita tahu ketokohan dan kepimpinannya yang ada, beliau tidak akan dapat membuat apa sahaja sepertimana yang kita buat sekarang, hanya boleh menyalak seperti anjing menyalak bukit sahaja.

Tuan Pengerusi, sebenarnya back-benchers yang ada di sini dan juga pihak Barisan Nasional dan Kerajaan tidak pernah bertolak

ansur dengan rasuah tetapi sebaliknya pihak Pembangkang ini adalah bapa yang cuba hendak menghidupkan rasuah. Satu contoh yang kita akan ketahui ialah dengan hasratnya untuk membatalkan Perisytiharan Dharurat yang di dalamnya telah mengandungi beberapa undang-undang untuk menghapuskan rasuah dalam negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dalam Jawatankuasa ini tumpukan khusus kepada perkara yang dibincangkan sekarang. Bila sampai masanya berbincang besok, itu bolehlah. Sila teruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Inilah satu contoh yang dikatakan DAP ini hendak menggagalkan Dasar Ekonomi Baru tetapi malangnya seorang demi seorang meninggalkan Dewan ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya katakan tadi pihak DAP ini cuba hendak melepaskan perasaannya sahaja, perasaan tamak dan haloba dan hendak mempermainkan dalam soal politik tetapi tidak pernah berterima kasih kepada Kerajaan yang cuba membentangkan dengan jujurnya dan keikhlasannya apa yang berlaku di dalam tubuhnya sendiri. Kalau Kerajaan tidak jujur, Kerajaan tidak mempunyai kekerasan, saya rasa dia tidak akan membentangkan Kertas Putih dan tidak akan meminta peruntukan sebagaimana yang ada dikatakan pada hari ini.

Senenarnya beberapa kali pihak DAP ini telah mengeluarkan perkataan 'SABOTAJ' kepada Dasar Ekonomi Baru. Bukanlah kita telah sebut dan kita tahu di dalam Buku ini bahawa orang-orang yang dikatakan menyalahgunakan, kalau sekiranya dikatakan apa yang berlaku ini mensabotajkan Dasar Ekonomi Baru maka mereka itu telah menerima hukuman apa perlu kita persoalan lagi? Tetapi pihak DAP ini membangkit-bangkitkan perkara ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya fahamkan sekarang daripada ucapan yang diberi oleh pihak Pembangkang tadi beliau ini masih lagi mempersoalkan \$155 juta, yang hari ini kita meluluskan \$55 juta, untuk menghidupkan Bank Rakyat ini. Ini bermakna pihak DAP ini hendak menggagalkan hasrat kita, kalau boleh hendak mematikan Bank Rakyat ini dan matlamatnya untuk menggagalkan Dasar

Ekonomi Baru akan tercapai tetapi pada mulut yang disalakkan itu tidak begitu tetapi hasratnya untuk mematikan Bank Rakyat ini dan hasratnya adalah Dasar Ekonomi Baru dan hasrat Kerajaan menolong bumiputra akan gagal dan begitu jugalah hasratnya untuk mengurangkan \$82,500 itu. Soal \$82,500 itu adalah soal UMNO Selangor, bukan soal untuk menambahkan peruntukan Bank Rakyat. Soal Bank Rakyat hendak ambil tindakan kepada UMNO Selangor itu soal Bank Rakyat dengan UMNO Selangor tetapi dia tidak menyentuh pun soal peruntukan yang diberikan \$55 juta ini kerana mengurangkan \$55 adalah hasrat menggagalkan Dasar Ekonomi Baru, hasrat mematikan Bank Rakyat ini adalah hasrat DAP yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kita tidak mahu mempersoalkan apa yang diberikan oleh Bank Rakyat kepada UMNO Selangor, kerana kalau diberi kepada DAP pun mungkin DAP akan terima pemberian wang ini kerana ini merupai derma ikhlas, soal salah atau tidak salah, itu soal Mahkamah. Kalau sekiranya DAP mengatakan benda ini salah, maka bawalah benda ini ke muka pengadilan, tetapi soalnya orang yang terlibat memberi derma ikhlas atau menyalahgunakan apa yang ada kita bentangkan Kertas Putih ini telahpun menerima hukuman sebagaimana yang saya bangkitkan dan mungkin ada orang yang terlibat lagi, Kerajaan kita akan mengambil tindak balas atau mengambil tindakan. Apakah ini belum puas pihak DAP sebagaimana yang dijalankan oleh Kerajaan tetapi malangnya pihak DAP ini pengecut, lari meninggalkan Dewan ini semasa saya bercakap, bukan lagi Menteri yang menjawab tetapi seorang back-bencer sahaja yang menjawabnya, mereka lari meninggalkan Dewan ini, begitu jugalah Ahli dari Menglembu sendiri, Tuan Pengerusi. Ahli dari Menglembu ini suka menimbulkan benda-benda yang lepas. Beliau mempersoalkan \$100 juta yang diluluskan dahulu dan menanyakan bagaimana perjalanan \$100 juta dan akaun yang dijalankan semuanya. Kalau saya kata, beliau "bodoh" pun, maaflah Tuan Pengerusi, kalau tak boleh kata, saya tarik balik.

Tuan Pengerusi: Perkataan "bodoh" tak apa, saya sudah pernah dengar Timbalan

Menteri, dia kata “bodoh”, tak perlu tarik balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohd: Jadi ‘bodoh’, saya kata Wakil dari Mengelembu ini. Dia tidak dengar apa yang Menteri kita terangkan semasa menggulung tadi, dia tidak dengar, dia duduk di luar atau di mana atau dia study untuk bercakap, dia tidak dengar. Pihak Bank Rakyat, pihak Menteri telah mengatakan bahawa selepas kita membekukan dan berjalannya semula Bank Rakyat ini, kita telah memberi kepercayaan kepada Bank Rakyat ini dapat menjalankan urusannya dengan baik dan boleh menguntungkan dan pemberian \$100 juta ini dan apa-apa akaun yang akan datang boleh pihak Ahli-ahli Dewan ini menyemak atau membacanya apabila penyata oditnya dikeluarkan. Jadi kalau itu tidak mencukupi, saya rasa macam kata tadilah, degil dan bodohnya Wakil dari Mengelembu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya telah beberapa kali ditimbulkan dalam Dewan ini yang DAP ini cuba menuduh kita bermain politik dengan apa yang berlaku sekarang dan juga dengan adanya Bank Rakyat ini tetapi sebaliknya saya menuduh pihak DAP ini cuba menggunakan kesempatan ini untuk kepentingan politik DAP yang semata-mata politik perkauman yang mementingkan satu pihak dan cuba hendak mematikan satu pihak yang lain. Inilah bagaimana beberapa kali telah saya katakan bahawa DAP ini adalah penghalang dan pengagat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, kerana tingkah laku pemimpinnya adalah tidak sewajar dengan apa yang sepatutnya dilakukan di dalam sesebuah negara yang membangun ini dan tidak memberi faedah langsung kepada Kerajaan dalam menyokong Dasar Ekonomi Baru, tetapi sebaliknya cuba hendak melemahkan hasrat Kerajaan dan hasrat pegawai-pegawai Kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Dia cuba hendak mengatakan Kerajaan kita ini penuh dengan rasuah dan menyeleweng, tetapi sebaliknya wakil dari DAP ini hendak menghapuskan undang-undang dan sebagainya yang kita hendak menegahkan rasuah. Inilah kepentingan, sebagaimana saya katakan tadi cuba hendak mempergunakan kesempatan ini dari segi kepentingan politik

dan saya sebagai back-bencer yang ada di sebelah sini akan sedia setiap masa menerima cabaran yang dihalakan oleh DAP kepada saya atau kepada rakan saya di dalam segala segi di dalam perbincangan dan kita sedia menanti-nanti untuk membahaskan benda ini dengan panjang lebar dengan pihak DAP.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.32 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Pengerusi, saya tidak ingin mengambil bahagian dalam perbincangan hari ini, tetapi selepas mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling, saya harus memberi pendapat saya sekali lagi atas hal ini.

Tuan Pengerusi, semalam saya telah menerangkan hal Bank Rakyat ialah historical dan maklumat-maklumat yang terus terang telah diberi dalam Kertas Putih ini. Kerajaan telah berjanji bahawa Bank Rakyat tidak lagi jadi macam pokok pisang berbuah dua kali. Kerajaan telah dengan jelasnya mengatakan bahawa derma-derma yang diberi oleh pihak Bank Rakyat adalah mengikut aturan yang tidak melanggar undang-undang negara.

Tuan Pengerusi, jikalau derma \$82,500 ini telah melanggar undang-undang negara, saya ingat pihak berkenaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Sampai sekarang wakil-wakil dari DAP yang dua ini, iaitu Yang Berhormat dari Petaling dan Mengelembu belum pun memberi points yang reasonable atau objective.

Tuan Pengerusi, saya harap DAP mengurangkan politicking dan menukar style of debate mereka. Tidak usahlah oleh kerana tujuan, dengan izin, to score a political point, kita telah melupakan tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya telah kata, saya tidak ingin mengambil bahagian tetapi oleh kerana taktik yang telah digunakan oleh DAP dalam perbincangan usul ini, saya harap Yang Berhormat dari Petaling kurang menggunakan taktik, dengan izin, hitting under the belt and putting words into other people's mouth.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Bank Rakyat, perbicaraannya sudah habis dan

keputusan telah diberi dengan cara-cara mengikuti undang-undang negara kita. Saya harap DAP tidak usahlah mengadakan satu lagi trial baru dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana orang-orang yang terlibat dalam hal ini telah menerima hukuman dan tidak ada peluang menjawab. Ini tidaklah adil dan taktik ini adalah dirty dan saya harap DAP boleh mengkaji semula taktik mereka dan di mana Kerajaan tidak buat dengan begitu betul, mereka boleh memberi pendapat yang constructive, bukan destructive.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.36 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, seperti mana juga sahabat saya Yang Berhormat dari Kepong pada awalnya, saya tidak hendak bercakap oleh sebab sewaktu Wakil dari Petaling mengusul pindaan tadi, saya cuba hendak memberi sedikit keterangan mengenai perkara yang telah disentuh oleh beliau semasa saya berucap mengenai perkara ini semalam, maka kalau sekiranya beberapa minit yang terpaksa saya curi dalam Dewan yang mulia ini dan terpaksa saya korbakan masa yang bernilai daripada Dewan yang mulia ini, maka saya pohon maaf daripada Dewan dan juga rakyat negara ini, tetapi orang yang sepatutnya memohon maaf telah daripada saya ialah Ahli dari Petaling, kerana sikapnya yang tidak "gentleman" kerana perkara ini boleh diselesaikan dalam masa setengah minit kalau beliau agak gentleman sedikit. Walau bagaimanapun, saya cuba meringkaskan sebarang yang dapat.

Tuan Pengerusi, semalam saya telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai wang \$82,500. Saya telah menyebutkan bahawa dari segi undang-undang atau Perlembagaan UMNO sendiri perkara derma secara amnya tidak menjadi salah mengikut Perlembagaan UMNO. Dalam masalah ini, saya tidak hendak mempertahankan UMNO Selangor, tetapi kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini masih ingat lagi apa yang beliau sendiri telah katakan semalam, beliau telah mengatakan semalam perkara ini dengan integrity dan credibility UMNO Malaysia sendiri, maka saya rasa adalah tanggungjawab

saya di sini untuk menerangkan secara kasarnya peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan UMNO Malaysia sendiri.

Kalau sekiranya Ahli Yang berkenaan itu benar-benar menatap dan mengikuti perkataan saya, perkataan demi perkataan, saya telah menyebutkan bahawa kesalahan ini hendaklah diletakkan kepada pihak yang memberi dan kalau perkara ini telah diterima dengan betul maka ianya tidak timbul. Apa yang beliau sebutkan sekejap tadi bahawa kami back-benchers daripada UMNO dan Barisan Nasional ini cuba hendak mempertahankan rasuah.

Tuan Pengerusi, lantaran beliau telah menyebut mengenai rasuah, izinkan saya agak berpanjangan sedikit dalam masalah ini. Sebelum daripada itu, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak memahami konsep Kerajaan berparti, tidak memahami konsep collective responsibility, saya rasa sudah sampai masanya beliau sendiri memahami perkara ini.

Berdirinya kami sebagai ahli back-benchers daripada Barisan Nasional dengan sendirinya bermakna kami di sini akur, menerima, bersetuju dan bersama-sama dengan apa yang dibuat oleh Kerajaan. Kalau sekiranya Kerajaan berani mengeluarkan Kertas Putih secara tidak langsung mengkondemkan perkara yang disebutkan dalam hal ini, maka itulah juga pendirian kami. Kalau sekiranya Kerajaan telah menubuhkan BSN kerana hendak mencari, mencungkil dan menghapuskan amalan rasuah, maka inilah juga pendirian kami.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya perkara-perkara yang seperti ini dapat difahami dengan betul-betul, rasa saya perkara ini adalah tidak berbangkit. Ahli dari Petaling ini nampaknya tidak membuat perbincangan secara "off-the-cuff" kerana pada lojiknya sebagai seorang Ketua Pembangkang seperti mana disebutkan oleh sahabat saya dari Pasir Putih tadi, sepatutnya beliau menghalakan hujahnya kepada apa yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian. Tetapi oleh sebab beliau itu terpaksa membuat homework, terpaksa perlu ditulis ucapannya,

terpaksa perlu membuat research dahulu, mungkin juga terpaksa dituliskan oleh orang lain, maka tidak satupun fakta-fakta yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian sewaktu membentangkan perkara ini telah diulas. Inilah, Tuan Pengerusi, a shadow cabinet Perdana Menteri daripada DAP. Inilah standardnya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, mungkin juga pada hari esok, kalau perkara ini masih diteruskan lagi, Yang Berhormat dari Petaling itu akan cuba menjawab atau mengulas apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian ataupun baru sekejap tadi disebut oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya hendak tegaskan di sini bahawa kalau ada orang lain, terutamanya pihak DAP termasuk ketuanya sendiri merasai bahawa dia adalah lebih hero dalam masalah rasuah, kita seribu kali hero, kita seribu kali bertanggungjawab dengan apa yang telah kita tunjuk dan buktikan kepada masyarakat dan negara dan kepada ahli-ahli DAP sendiri. Contohnya, Tuan Pengerusi, kita tahu dengan terbentangnya Kertas Putih ini maka sesuatu perkara seperti mana yang terkeluar semalam atau hari ini daripada ahli-ahli Pembangkang sendiri mungkin terpaksa kita hadapi, tetapi sikap kami dari Barisan Nasional berbeza daripada sikap mereka itu. Bagi kami yang salah, tetap salah (*Dengan izin*) The arms of law, the arms of justice, akan kena kepada sesiapa sekalipun, tidak mengira seseorang itu saudara mara atau siapa sekalipun dengan kita. Dan kalau ini masih diragukan lagi oleh sesiapa sekalipun, maka saya rasa, walaupun ada hanya pihak DAP sahaja kerana seperti mana yang pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi apa yang mereka sebut hanya berdasarkan kepada apa yang Kerajaan bentangkan. Mereka boleh baca nama demi nama dan mereka boleh bertanya kenapa kita tidak baca nama-nama itu. Ini satu perkara lagi menunjukkan bahawa beliau tidak mendengar apa yang saya sebutkan semalam.

Saya pernah menyebutkan semalam bahawa perkara-perkara yang telah ternyata di dalam buku Kertas Putih ini dan juga dalam Laporan Price Waterhouse tidak perlu kami sebut dengan panjang lebar kerana setiap kami telah

membaca buku ini dari cover ke cover, Tuan Pengerusi. Jadi, rasa saya ini adalah merupakan satu putar-belit bukan bentuk baru daripada pihak DAP tetapi juga sengaja diperkuatkan mungkin kerana berita-berita mengatakan sebuah negeri atau dua buah negeri akan mengadakan pilihanraya tidak lama lagi. Jadi, saya berharap supaya perkara-perkara yang macam ini kalau sekiranya pihak Pembangkang, terutama Ketua Pembangkang sendiri, Ahli dari Petaling hendak menyampuk sesuatu perkataan yang kami di sini keluarkan, walaupun kadang-kadang kami tidak perlu tulis, sebagaimana Ketua Pembangkang perlu ada teks di hadapannya, mintalah kalau tidak beliau sendiri atau setiausahanya tolonglah baca betul-betul, tolonglah tengok betul-betul dan kalau tak faham perkataan-perkataan atau lenggang lenggok bahasa itu, cubalah tengok kamus-kamus berkenaan terlebih dahulu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baru.

5.54 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, dalam membincangkan Kertas Putih ini, saya ingin menumpukan perhatian kepada penjenayah yang bernama Abu Mansor Basir.

Penjenayah ini, Tuan Pengerusi, adalah merupakan pegawai utama dalam Bank Rakyat ini, pegawai yang telahpun diberi kepercayaan yang begitu tinggi, pegawai yang dahulunya kita begitu megah dengan kelulusan dan kebolehannya.

Tadi Yang Berhormat Menteri Pertanian telahpun mengatakan bahawa kemahiran dan juga pengalaman Abu Mansor dalam bidang accountancy dan juga company law menyebabkan segala jenayah itu boleh dilakukan. Tetapi saya rasa, Tuan Pengerusi, si Abu Mansor ini memang mempunyai satu kebolehan yang lain, satu kebolehan yang luar biasa, satu kebolehan untuk menawan orang-orang yang beliau pilih untuk ditawan.

Tuan Pengerusi, saya teringat kepada satu peristiwa iaitu semasa kita sedang membuat persediaan untuk Tinju Dunia, tempatnya di Holiday Inn, Abu Mansor sedang berunding dengan Don King dari Amerika mengenai

Tinju Dunia ini yang mewakili Muhammad Ali. Seorang penjenayah dengan seorang bekas banduan—Don King itu bekas banduan—dan perbualan mereka itu disaksikan oleh Datuk Harun. Datuk Harun keluar berjumpa dengan kami. Beliau merasa begitu kagum sekali dengan cara Abu Mansor dapat mematahkan alasan-alasan ataupun kehendak-kehendak Don King. Dato Harun mengadakan dalam bahasa Inggeris—saya ingat ayatnya sekali (*Dengan izin*) “I hope Tun Razak will use this man some time” Jadi, begitulah, Tuan Pengerusi, si Abu Mansor ini telahpun berjaya untuk menawan Pengerusi Bank Rakyat pada masa itu, menawan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat, menawan juru odit dan menawan berbagai orang lain. Jika tidak dengan kebolehan yang luar biasa masakan beliau dapat mencuri berjuta-juta ringgit, mencuri pula di tengah terang. Orang-orang seperti ini tidaklah boleh kita biarkan. Tindakan yang setegas-tegasnya harus diteruskan diambil lagi supaya menjadi satu contoh kepada semua orang supaya (*Dengan izin*) “crime does not pay”.

Kalau seorang seperti Abu Mansor boleh mencuri berjuta-juta ringgit dengan begitu mudah sebagaimana yang telahpun diceritakan dalam Kertas Putih ini, saya yakin, Tuan Pengerusi, si Abu Mansor ini telahpun menyorok dan telahpun mengambil tindakan-tindakan yang lain untuk menyorokkan berjuta-juta ringgit dalam akaun di luar negeri ataupun dengan nama orang-orang yang rapat dengannya. Oleh itu, saya rasa Kerajaan haruslah mengambil tindakan terus-menerus untuk mengesan dimanakah perginya harta-harta yang telah dicuri oleh Abu Mansor selama itu.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, kalau misalnya kita siasat sahaja soal saham tadi; dalam Kertas Putih ini ada menyatakan izinkan saya baca perenggan 10 dan 11 muka surat 8 yang berbunyi demikian:

**PERSEDIAAN ATAS PELABURAN-
PELABURAN DALAM SAHAM
YANG HILANG DAN
PELABURAN-PELABURAN YANG
JATUH NILAI—\$3,336,168**

10. Bank Rakyat tidak menyimpan dengan sempurna rekod-rekod dan daftar pelaburan mengenai saham-saham yang

telah dijualbeli. Untuk mengetahui apa yang telah berlaku, rujukan terpaksa dibuat kepada rekod-rekod “stock-broker” yang digunakan oleh Bank Rakyat. Didapati bahawa jualbeli pelaburan-pelaburan tersebut telah dilakukan oleh Abu Mansor bin Basir sendiri yang menjadi Pengarah Urusan pada masa itu. Pelaburan-pelaburan yang dibeli semuanya disimpan oleh beliau sendiri dan urusan jualbeli dibuat di atas kehendak dan kesukaannya sendiri, seolah-olah beliau mempunyai kuasa berbuat demikian.

11. Kebanyakan dari pelaburan-pelaburan yang dibeli tidak pula didaftarkan di atas nama Bank Rakyat bukti pembelian hanya terhad kepada sijil-sijil saham di atas nama orang lain bersama dengan borang pindahan yang telah ditandatangani oleh penjual. Ini telah menyebabkan dividen-dividen yang sepatutnya diterima oleh Bank Rakyat dibayar kepada orang-orang lain yang nama mereka masih di dalam daftar-daftar syarikat berkenaan.

Saya rasa kalau kita membuat penyiasatan yang berterusan, yang mendalam terus-menerus mengenai perkara-perkara ini sudah tentulah kita akan sampai kepada puncanya iaitu orang-orang yang memegang jawatan-jawatan tinggi dalam bank-bank yang lain yang telahpun bersubahat dengan si Abu Mansor Basir itu. Kalau tidak ada kawan-kawan dan gengnya dalam bank-bank yang lain, sudah tentulah perkara-perkara seperti ini tidak boleh berlaku.

Tuan Pengerusi, saya inginlah mendesak Kerajaan supaya terus-menerus membuat siasatan supaya segala harta yang telah dicuri oleh Abu Mansor itu dikembalikan seboleh-bolehnya kepada Bank Rakyat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Alor Setar.

5.51 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin memperbuat komen terhadap Bank Rakyat supaya Derma atau Episode Bank Rakyat ini tiada diulangi di masa-masa yang akan datang.

Memang kita sekalian tahu bahawa tujuan utama menubuhkan Bank Rakyat ialah bagi meninggikan taraf ekonomi ahli-ahlinya khususnya mereka daripada penanam padi yang miskin dan nelayan-nelayan yang miskin melalui pelbagai kegiatan dalam bidang kewangan, perusahaan, pertanian dan perniagaan mahupun di dalam kawasan Perbandaran atau di luar bandar dan setelah meneliti Laporan amatlah terkejutnya membaca iaitu Bank ini menghadapi masalah mudahtunai yang genting oleh kerana amalan-amalan yang salah dan sekiranya Kerajaan tiada campur tangan untuk menyumbangkan pertolongan kewangan sebanyak lebih kurang dari \$100 juta ke \$155 juta, Bank ini akan jatuh. Wang berjumlah \$155 juta itu ialah cuma angka peranggaran sahaja dan memetik daripada Laporan itu "Angka yang terakhir sekali kenalah diper-tetapkan". Kita masih di dalam kegelapan apakah jumlah yang terakhir itu.

Daripada Laporan Price Waterhouse itu didapati kerugian-kerugian yang timbul dari Operasi Bank Rakyat berjumlah \$27,285,715 dan perkara-perkara yang besar di dalam kerugian ini ialah persediaan atas pelaburan-pelaburan dalam saham yang hilang, per-sediaan atas pinjaman-pinjaman wang dan pinjaman-pinjaman yang dihapuskan, per-sediaan atas hutang-hutang saham dan hutang-hutang yang dihapuskan dan pembayaran dividen yang tidak sah dan bersama-sama dengan Turun Nilai atas Pelaburan dalam Anak-anak Syarikat maka jumlah kerugian-kerugian tertimbun ialah \$65,233 juta. Sungguhpun menurut Laporan itu amalan-amalan yang salah diletakkan pada amnya ke atas Pengarah Urusan dan Pengerusi, tetapi saya rasa Kerajaan sendiri kenalah mengakui bahawa ianya juga telah **memberi penyertaannya kepada amalan-amalan yang salah seumpama itu**; Kerajaan ada mempunyai wakil-wakilannya dan mereka dibayar elaun-elaun duduk pada asalnya dari \$200 dan kemudian dinaikkan sehingga kepada \$500 pada tiap-tiap satu mesyuarat tidak kira penginapan dan lain-lain perbelanjaan. Jika mereka telahpun men-jalankan kewajipan dan tanggungjawab mereka dengan betul, tentu sekali mereka dapat tangkap dengan senang akan amalan-amalan yang salah dari awal-awal lagi. Saya

tiada tahu apakah yang Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama telah perbuat di dalam Mesyuarat itu. Saya juga tiada tahu jika odit telahpun dijalankan oleh Juru Odit Luar. Menurut Laporan, Juru Odit Luar itu, nampaknya tiada tahu menahu akan amalan-amalan salah yang telah berlaku walaupun mereka menjalankan odit tahunan. Nampaknya Bank ini bukan membayar wang kepada Juru Odit atau sebagai Pembayaran Odit tetapi ialah Pembayaran Tidur.

Kita sekalian tahu akan tujuan Rancangan Malaysia Yang Ketiga ialah untuk mem-basmikan kemiskinan disegenap penjuru dan Bank Rakyat adalah layak menjalankan peranannya sebagai satu-satunya alat untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi rakyat tetapi jika anda membaca Laporan ini berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pinjamannya, anda akan dapati bahawa kemudahan-kemudahan pinjaman diberi kepada tiap-tiap pegawai dengan tiada tentu hala, daripada Pengarah Urusan sehingga ke serendah-rendah Pegawai dengan sama sekali tiada sedikitpun menghiraukan undang-undang dan peraturan-peraturan. Tiap-tiap pegawai nampaknya menjalankan bank kecil atau mini bank di dalam Bank Rakyat. Wang dikeluarkan dengan mudahnya tanpa proses yang betul. Tiap-tiap seorang di dalam Dewan ini, jika dapat saya kata begitu, sokong konsep Dasar Ekonomi Baru iaitu meninggikan taraf, bumiputra, tetapi saya percaya tiap-tiap seorang akan bersetuju dengan saya bahawa ini tiada dijalankan seperti apa yang dilakukan oleh Bank Rakyat. Adalah cerita purba yang termasyhur di sisi orang-orang Inggeris bahawa Robin Hood dan orang-orangnya yang sentiasa ria menyamun yang kaya untuk menolong si miskin tetapi di dalam perkara Bank Rakyat, setelah membaca Laporan tersebut, kita tiada dapat mengelak daripada perbuat keputusan maka ini Robin Hood terbalik iaitu Robin Hood dan orang-orangnya yang ria itu menyamun si miskin untuk mengkayakan lagi yang sudah kaya.

Tuan Pengerusi, saya berharap Drama atau Episode seperti Bank Rakyat ini tiada akan diulangi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat.

5.58 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Pembangunan tahun 1979, **Tambahan Anggaran Pembangunan** sebanyak \$55,000,000 adalah berdasarkan kepada kehendak-kehendak pembangunan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Kita menjunjung tinggi akan hasrat Kerajaan menambahkan peruntukan itu.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud P. 31—Perbendaharaan.

Kita semua telah diberi tahu tentang perjalanan Bank Rakyat khususnya mengenai pengurusan yang lepas dan beberapa kepincangan telah berlaku dan dengan kerana itu tindakan yang sewajarnya telahpun diambil. Langkah ini adalah satu langkah yang berani yang telah diambil oleh Kerajaan yang mana telah membentangkan Kertas Putih ke dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu hasrat Kerajaan supaya dapat mencerminkan sebuah Kerajaan yang bersih dan jujur, berani dan tegas untuk mengambil langkah yang sewajarnya terhadap mana-mana pihak yang tidak menjalankan tugas-tugasnya dengan jujur dan ikhlas.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan bahawa tindakan bukan sahaja patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang menyelewengkan wang rakyat tetapi juga terhadap bank-bank yang didapati tidak menjalankan tugas pengurusannya dengan betul. Umpamanya, saya ketika dahulu timbul kekecohan tentang pengurusan United Malayan Banking yang melibatkan pengurusannya. Apakah keputusannya sehingga hari ini tidak diketahui.

Begitu juga dengan Bank Buruh, Bank Negara Cawangan Pulau Pinang dahulu telah kehilangan wang sebanyak \$1.8 juta. Apakah hasil keputusan dengan penyiasatan itu? Sama ada siasatan dan tangkapan telah dilakukan. Saya percaya sekiranya tindakan yang sedemikian telah diambil maka saya yakin dan percaya tindakan terhadap bank-bank yang terlibat itu perlu dibesarkan supaya kes-kes tersebut tidak berpanjangan dan tidak akan

berlaku lagi kepada bank-bank atau badan-badan berkanun sebagaimana yang telah berlaku kepada Bank Rakyat hari ini.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, setakat ini sahajalah ucapan saya dan saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan ini.

6.01 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan Anggaran Pembangunan (Tambahan) yang diminta oleh Timbalan Menteri Kewangan yang mana dibentangkan tadi.

Saya telah dengar dan bila saya mendengar apa yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi dan sesudahnya juga saya mendengar apa yang telah dijawab oleh Menteri Kewangan tadi, maka jelaslah kepada kita dan kepada sesiapa yang mahu mendengar dan mahu mengerti kalaulah diulang-ulangkan lagi perkara ini dengan titik-bengek yang tidak patut saya mengangap orang ini boleh dikatakan sebagai menarah di atas pahat. Sebab apa saya katakan begitu, minta maaf, Tuan Pengerusi, sebelum saya pergi kepada perkara lain, tadi dalam ucapan jawapan yang dibuat oleh Menteri Kewangan beliau telah menyatakan Kerajaan akan mengambil tindakan. Dengan sebab itulah beliau kata beliau telah membentangkan dan kepada sesiapa yang didapati menyeleweng bukan setakat yang telah diambil, kalau didapati ada lagi pihak Kerajaan akan mendedahkan kepada rakyat dan kepada pihak bersalah akan diambil tindakan.

Begitu juga hujah yang dikatakan oleh Timbalan Menteri dalam pembentangannya tadi pihak Bank Rakyat juga sebagaimana kata Menteri, dia juga akan mengambil tindakan dan akan menjalankan di masa akan datang dengan sebaik-baiknya. Jadi apa yang dicakapkan oleh Pembangkang saya sungguh hairan, kerana pihak yang berkenaan sudah jawab. Kita hendak apa lagi? Sebab itu bolehlah saya anggap pihak Pembangkang, saya hendak mengatakan ini saya tidak begitu seronok tetapi kalau tidak dikata kepada orang yang patut kita kata, orang kata kita ini bodoh sangat. Jadi dia ini saya anggap sebagai hendak mengajar itik berenang ataupun sebagai "lintah lapar" jadi kucai-kucai minta, kata orang Perlis.

Saya harap kepada Pembangkang walaupun dia parti Pembangkang tetapi dipilih oleh rakyat, walaupun dia tiada dalam Dewan ini tetapi dia ada dalam satu tempat yang boleh dengar dengan suara yang ada penyampaian dalamnya, ubahlah sikap itu, orang lain sanggup dengar apa yang dia kata, tetapi selepas dia bercakap semua lari keluar Dewan. Kita dalam politik walaupun Pembangkang, kita ini sama-sama manusia yang ada perasaan. Saya harap dalam Dewan yang mulia ini saya cakup walaupun mereka tiada di tempat yang dia patut ada, dia ada dalam bilik, saya harap sikap itu diubah kerana kita sama-sama manusia walaupun parti Kerajaan atau parti Pembangkang niat kita hendak buat baik. Kalau macam niat yang ada pada hari ini saya rasa amatlah kesal. Sebab itu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi.

Tuan Pengerusi, sesudahnya kita membincang soal ini semalam di segi dasar dan hari ini dalam peringkat Jawatankuasa telah nyata kepada kita bahawa Kerajaan kita hari ini ialah Kerajaan yang betul-betul bertanggungjawab kepada rakyat. Jadi kepada orang yang didapati bersalah sebab itu akan merugikan rakyat walaupun orang yang diharap Kerajaan terpaksa mengambil tindakan. Sepertimana saya kata petang semalam saya yakin perkara ini tidak akan berulang lagi dan ini akan menjadi tauladan kepada orang lain. Kalau tidak silap saya, ada satu ayat Quran, "Innama'al usriyusra", kalau silap saya minta dengan izin. Tuan Pengerusi, tolong tegur, saya tidak marah dan saya ucapkan terima kasih. Maksudnya, "di sebaliknya kesusahan itu ada kesenangan." Jadi saya berpendapat dan saya tidak hendak perkara ini jadi tetapi boleh jadi ini adalah satu, kalau hendak dikatakan nikmat, Tuan Pengerusi, benda ini jadi tidak baik. Kadang-kadang sudah jadi lazim. Kalau hendak jadi satu kebaikan itu kadang-kadang Tuhan uji satu-satu perkara. Kita contoh 13 Mei, saya berpendapat, datangnya Rancangan DEB dan sebagainya selepasnya peristiwa 13 Mei. Kadang-kadang peristiwa.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh bercakap perkara itu dalam masa membincangkan dasar. Duduk dahulu (*kepada Tuan Shaari bin Jusoh*). Yang di-Pertua kalau bercakap, mengikut Peraturan 42 ahli

hendaklah duduk dan tak usah cakap apa-apa lagi supaya didengar. Jadi, ucapan itu boleh dicakap dalam masa membahaskan dasar am. Sekarang tujukan percakapan dalam Jawatankuasa ini. Sila.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya akan bercakap dalam peringkat Jawatankuasa tetapi sebagai mukaddimah sedikit sahaja. Jadi maksud saya sebalik kesusahan ada kesenangan. Dengan sebab itu matlamat kita pada hari ini kita hendak cari jalan bagaimana Bank Rakyat ini bukan sahaja akan mendapat yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan sebanyak \$55 juta bahkan sebagaimana dikatakan oleh Menteri dan juga Menteri Pertanian kalaulah perlu diminta tambah. Bagi pihak Kerajaan akan beri ini saya ucapkan terima kasih. Di samping itu, Tuan Pengerusi, wang ini kalau beri banyak manapun tidak cukup dan tidak boleh baik kalau di segi pentadbiran dan sebagainya seperti saya katakan petang semalam tidak diawasi. Untuk menambah yang \$55 juta dan menambahkan keuntungan lagi kepada Bank Rakyat maka di sini saya akan mengesyorkan beberapa perkara yang pada pendapat saya menjadi kebaikan kepada Bank Rakyat yang akan mendapat \$55 juta untuk bertambah maju dan kalau boleh kita akan tambahkan lagi.

Saya mengesyorkan sebagaimana dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi kepada pegawai-pegawai Bank Rakyat bukan sahaja di Bank Rakyat di peringkat pusat maksud saya, baik-pun kepada pihak cawangan hendaklah kita pilih seperti dikatakan oleh wakil dari Kulim-Bandar Bahru tadi, kita hendakkan orang bijak pandai, tetapi kalau sekadar bijak pandai sahaja, keikhlasan dan berdikarinya kurang, lebih tepatnya kurang amanah maka bagaimana pandai sekalipun perkara itu tidak akan mendatangkan kebaikan. Inilah saya berharap kepada Kerajaan kita bukanlah saya suruh ambil orang yang tidak berkelulusan, kelulusan itu penting, sebab Tuhan pun ada berkata orang yang tahu dengan orang yang tidak tahu itu tidak sama. Ini saya tidak mahu nafikan tetapi kejujuran adalah satu perkara yang mustahak di segenap bidang. Walaupun kebolehan itu diakui oleh Tuhan tetapi Tuhan tidak pernah berjanji orang yang akan masuk syurga orang yang pandai, tetapi orang yang masuk syurga orang yang buat baik ikhlas dan orang yang jujur. Dengan sebab itu kejujuran

adalah sifat yang penting. Masa dengan sebab ini saya perhati setengah daripada Bank-bank Rakyat ini orang tidak mahu, kerana di setengah-setengah tempat seperti di cawangan dia hendak ambil MCS dan sebagainya, dia tidak lihat kepada latihan daripada ke bawah. Jadi maksud saya baikpun di peringkat pusat kerana kita hendak memajukan Bank Rakyat ini bukan sahaja di peringkat pusat bahkan daripada peringkat Kuala Lumpur iaitu peringkat pusat sampailah ke peringkat-peringkat cawangan termasuk cawangan yang sudah didirikan di Semenanjung Malaysia kerana kita hendak semua pegawai-pegawai itu orang yang penuh semangat kejujuran dan sebagainya.

Saya berpendapat seperti saya katakan tadi saya mencadangkan biarlah kelulusan itu ada tetapi syarat pertama orang yang ada kemahuan biarlah kelulusannya rendah sedikit lepas itu kita naikkan dia mengikut kemahuan dan kemahiran dia. Jangan kita ambil orang berkelulusan sahaja dan kita bubuh di atas (top) semata-mata dengan tidak berlatih daripada bawah naik ke atas. Saya harap kalau boleh dinaikkan daripada bawah, daripada peringkat cawangan ke peringkat atas dengan syarat, syarat kebolehan itu dikehendaki tetapi syarat kemahiran itu dia tunjuk dahulu di peringkat cawangan, dia buat bagus naikkan ke peringkat besar. Jangan diberi pangkat tinggi sahaja, tetapi pengalaman kurang dan tidak usul periksa. Ini saya harap supaya dapat diambil perhatian.

Yang kedua, kita tahu Bank Rakyat ini ialah untuk rakyat dan cara salurannya daripada peringkat atas sampailah ke peringkat bawah, ke peringkat cawangan sepertimana saya katakan tadi orang kampung di luar bandar mereka akan pinjam daripada peringkat-peringkat cawangan. Mereka tidak pinjam di Kuala Lumpur dan saya percaya peringkat di Kuala Lumpur ini-pun pinjaman dari cawangan-cawangannya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sekarang Majlis ini diminta menimbangkan supaya diluluskan tambahan sebanyak \$55 juta. Jadi sama ada setuju atau tidak; kalau setuju apa sebabnya dan boleh dikaitkan Kertas Putih ini pada masa membincangkannya, tetapi dalam Jawatankuasa ini khusus ditunjukkan kepada tambahan ini. Ini banyak

bercakap tadi semuanya patut dibincangkan dalam masa dasar am. Sila teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, kalau saya silap saya minta maaf, Tuan Pengerusi yang memberitahu perkara ini. Maksud saya kata tadi ialah saya bawa perkara detail.

Tuan Pengerusi: Tetapi detail patut dalam am, bukan detailedkan ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Maksud saya detail yang \$55 juta ini untuk kebaikan dengan ditambahkan pegawai dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Cuba teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, satu lagi saya berharap peruntukan yang akan diberi kepada Bank Rakyat ini dan Bank Rakyat hendaklah menjalankan anak-anak syarikatnya yang ada dengan seimbang. Kalau di dapati setengah daripada anak-anak syarikat membawa keuntungan, saya berpendapat patutlah anak-anak syarikat itu dijalankan terus dengan lebih maju lagi.

Tuan Pengerusi, juga saya dapati dalam segi Bank Rakyat ini, pihak-pihak pentadbiran khasnya saya bawa kepada cawangan-cawangan, caranya amat menyusahkan kepada pihak peminjam-peminjam. Yang saya dapati, saya contohkan satu pinjaman; kalaulah seorang itu dia buat pertaruhan \$500 syarat pertama dia tidak boleh pinjam melainkan kadar 80%—bermakna \$400. Kadar ini pada pendapat saya tidaklah menasabah kerana perbelanjaan hari ini saya misalkan kalau seorang itu meminjam untuk memudahkan dalam segi bendang ataupun kebun getah, \$400 itu tidak mencukupi. Itu satu perkara.

Yang ketiga, walaupun dia telah menaruhkan saham dan dia akan mendapat pinjaman di atas kadar saham yang telah ada iaitu sebanyak 80% seperti saya kata tadi \$400 tetapi yang malangnya pula dia mesti mencari dua orang penjamin. Sudahlah wangnya itu sendiri, penjamin pula mesti diadakan. Dengan sebab itu saya berpendapat sesudahnya kita tengok dalam peraturan Bank Rakyat, itu kita mengaku salah dan kita mengaku tidak akan buat lagi. Setengahnya beri pinjam sampai beratus ribu dengan tidak ada cagaran dan setengahnya beri pinjam

\$100,000; \$200,000 dengan dapat pinjaman yang terlampau mudah dan terlampau cepat. Tetapi bagi pihak peminjam-peminjam yang datangnya dari rakyat khususnya dari pak tani ataupun rakyat luar bandar hendak dapat \$400 seperti saya kata tadi terpaksa ada jaminan walaupun sahamnya ada daripada hak mereka sendiri dan kalau dia akan pinjam pula yang bukan daripada wangnya tetapi atas nama wang Bank Rakyat, dia mesti mencagarkan tanah dan sebagainya dan memakan masa sampai 4—6 bulan, kadang-kadang hampir setahun. Sesudah itu cagarannya pula terpaksa dibawa ke Pejabat Tanah memakan masa sampai bertahun-tahun.

Jadi saya berharap untuk memajukan Bank Rakyat dengan anggaran yang diberi sebanyak \$55 juta sebagaimana yang saya katakan tadi bukanlah pihak atas sahaja kita hendak maju baik dari segi pentadbirannya maka pada peringkat cawangannya juga saya berharap sangat Kerajaan mengambil tindakan dengan sewajarnya. Dengan itu bersesuaianlah Bank Rakyat ini yang namanya untuk rakyat, bukan sahaja kita akan beri tetapi yang salah daripada atas, itu dan ini, saya berharap kita mesti tumpukan kepada rakyat luar bandar supaya mendapat nikmat betul-betul daripada wang yang diperuntukkan melalui saluran Bank Rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Belud.

6.15 petang.

Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Pengerusi, saya telah mengikuti perbincangan ini daripada mulanya dan saya telah faham apa juga yang telah diterangkan satu persatunya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru sebentar tadi mengenai maksud dan tujuan bagi menambahkan kewangan iaitu pinjaman untuk \$55 juta kepada Bank Rakyat supaya dapat meneruskan pelaksanaan untuk melaksanakan hasrat apa juga yang dimaksudkan bagi kemudahan-kemudahan untuk mendapat pinjaman kepada rakyat seluruhnya.

Apa yang telah kita terdengar dalam perbincangan ini pada pendapat saya cuma meminta persetujuan supaya dapat Dewan ini meluluskan pinjaman sebagai tambahan

sebanyak \$55 juta. Ini kalau difikirkan tidak mengambil masa yang lebih lagi untuk membuang masa untuk memutuskannya sebab talapan dibincangkan terlebih dahulu. Dengan itu di sini saya berharap supaya Dewan yang mulia ini dapat meluluskan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi.

Satu soal telah timbul daripada Ahli DAP dari Petaling yang menuduh iaitu \$82,500 telah didermakan oleh Bank Rakyat kepada parti UMNO. Ini tidak menghairankan kerana di mana-mana sahaja mahupun syarikat-syarikat ataupun peniaga-peniaga memang sepatutnya memberi pendermaan kepada mana juga parti yang difikirkan patut diberi bantuan. Tetapi apa yang kita terdengar tadi dituduh bantuan ini akan menjadi sebagai rasuah. Ini tentulah semata-mata cuba untuk merosakkan nama baik parti itu. Kalau tidak, tidaklah patut dibawa kerana pinjaman ini semata-mata bertujuan untuk mendapatkan pinjaman tambahan yang mana Kerajaan bersedia untuk memberi kepada Bank Rakyat. Soal derma ini tidak patut dimasukkan dalam pinjaman ini. Ini tidak ada kena mengena sama sekali.

Dengan itu saya menyokong penuh apa juga yang telah diterangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tuan Pengerusi, saya tidak mahu memanjangkan ucapan saya dalam soal ini hanya saya menyokong dengan sepenuhnya dan meminta supaya Dewan ini meluluskan tambahan sebanyak \$55 juta untuk membolehkan Bank Rakyat melaksanakan apa juga yang telah diterangkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

6.18 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Saya juga bangun barangkali yang akhir untuk menyokong di atas peruntukan yang diminta sebanyak \$55 juta yang mana selama 2 hari, sejak semalam sehingga hari ini kita telah diberi penerangan bahawa kedudukan Bank Rakyat ini memerlukan bantuan daripada Kerajaan.

Telah banyak kita dengar hujah-hujah mengapa kita mesti membantu Bank Rakyat

oleh kerana kedudukan Bank Rakyat dalam keadaan yang tenat dan memerlukan pertolongan. Jadi saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menyokong supaya peruntukan \$55 juta itu diluluskan dan saya harap kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Kewangan supaya sentiasa berwaspada supaya keadaan ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang sebagaimana yang telah berulang kali dilaungkan di dalam Dewan yang mulia ini rakyat yang miskin semuanya menumpukan perhatian kepada Dewan ini sekarang.

Rakyat menumpukan harapan kepada Bank Rakyat untuk membolehkan rakyat mendapat faedah, tetapi apa yang telah berlaku telahpun berlaku dan kepada institusi-institusi kewangan Kerajaan yang lain diharap dapat pelajaran daripada apa yang telah berlaku kepada Bank Rakyat, daripada apa tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa dalam Bank Rakyat ini. Saya harap kepada badan-badan yang lain termasuklah badan-badan berkanun mengambil perhatian dan pelajaran supaya tidak menyeleweng, supaya tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju supaya pihak Bank Rakyat dari semasa ke semasa walaupun pada hari ini tuntutan atau bantuan yang diminta hanya \$55 juta tetapi demi kepentingan rakyat saya harap Bank Rakyat melalui Menteri Kewangan supaya mengkaji semula, kalau sekiranya Bank Rakyat memerlukan lebih banyak lagi wang, walaupun akan melibatkan beratus-ratus juta ringgit lagi saya harap perkara ini dapat dikemukakan kepada Kerajaan untuk kita luluskan. Ini bukan bererti kita menggalakkan penyelewengan.

Tuan Pengerusi, saya terpaksa menyentuh oleh kerana perkara ini tadi telah disentuh oleh wakil dari DAP iaitu dari Petaling dan Menglembu yang saya merakamkan dukacita kerana keadaan tadi yang sebenarnya Ahli Yang Berhormat itu telah keluar daripada tajuk yang sebenarnya tetapi entah bagaimana diteruskan juga ucapannya. Dan apa yang saya lihat dan apa yang saya dengarkan tadi, saya harap pihak DAP khasnya kedua-dua Ahli

Yang Berhormat dari Petaling dan Menglembu akan menarik balik tuduhan-tuduhan yang begitu berat sama ada Ahli Yang Berhormat itu faham Bahasa Malaysia atau tidak, sama ada dia faham Bahasa Melayu yang digunakan di dalam Dewan ini atau tidak tetapi secara langsung kedua-duanya lebih-lebih lagi Ahli dari Menglembu tadi telah membuat tuduhan yang begitu liar dan berat, saya rekodkan ada di antara katanya menuduh bahawa kerugian Bank Rakyat ataupun hampir-hampir berlaku bankruptcy kepada Bank Rakyat disebabkan oleh UMNO Selangor.

Sebagaimana saya katakan tadi sama ada dia faham Bahasa Malaysia atau tidak faham, inilah ucapannya yang menuduh dengan tuduhan yang begitu liar sampai Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP itu langsung tidak menentang Kerajaan, langsung tidak berhujjah dengan Kementerian Kewangan mengapa mereka menentang supaya wang \$55 juta ini jangan diberi umpamanya, tetapi sebaliknya sengaja hendak menaburkan fitnah supaya ahli-ahli Komponen daripada Barisan Nasional yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC dan lain-lainnya bercanggah sama sendiri. Ini sebagai lakunan yang dilakukan oleh parti Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini melihatkan kedudukan Barisan Nasional hari ini yang telah dapat mentadbirkan negara dan sesuatu yang berlaku seperti Bank Rakyat ini terus diambil tindakan dan terus dihidupkan dan ini semangat yang ada di dalam Barisan Nasional dan ini semangat yang wujud pada Kerajaan kita hari ini yang dilaung-laungkan oleh pemimpin kita sebagai Kerajaan yang bersih, hendak membersihkan daripada sebarang penyelewengan dan rasuah, maka pihak Pembangkang sengaja hendak memecah belahkan kita.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya, sekali lagi saya menyokong dan perlu benar kita membantu dan harapan saya kepada Bank Rakyat setelah mendapat bantuan daripada pihak-pihak Kerajaan supaya melebihi pembukaan cawangan-cawangan kepada semua negeri dan kalau boleh kepada tiap-tiap daerah di dalam negeri hendaklah dibuka cawangan. Tidak seperti masa lalu saya nampak dipilih-pilih cawangannya, dipilih-pilih daerah untuk dibuka cawangan Bank

Rakyat ini. Tetapi tidak menyeluruh. Dan kali ini, oleh kerana telah mendapatkan restu dan sokongan dari Ahli-ahli Dewan, maka saya harap dan saya mencadangkan kepada Bank Rakyat supaya mulai daripada hari ini Bank Rakyat hendaklah membuka cawangan-cawangan barunya kepada semua daerah-daerah di Malaysia Timur dan Malaysia Barat supaya dapat dinikmati benar-benar oleh rakyat akan faedah dan bantuan yang telah diunjukkan oleh Kerajaan bagi menghidupkan Bank Rakyat ini demi kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, dengan ini, saya menyokong cadangan ataupun peruntukan yang diminta sebanyak \$55 juta itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

6.25 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, oleh kerana wakil dari Sabah pun ada juga bercakap sedikit di dalam Dewan ini dan sebagai wakil dari Sarawak, saya juga bangun dan ingin bercakap dengan ringkasnya berkenaan dengan P. 21 Perbendaharaan, di bawah Kementerian Kewangan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan sebanyak \$55 juta untuk keperluan Bank Rakyat pada masa yang akan datang.

Semenjak semalam dan hari ini saya telah banyak mendengar hujjah-hujjah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan saya di sini tidak menyentuh banyak cuma akan menyentuh satu perkara yang saya agak perlu kepada Bank Rakyat itu supaya pada masa yang akan datang bank itu dapat berjalan dengan baik.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa bila Bank Rakyat ini sudah berjalan nanti, saya berharap bahawa Bank Rakyat ini dapat menubuhkan satu cawangannya di negeri Sarawak supaya Bank Rakyat ini dapat membantu rakyat sama juga dengan bank-bank yang lain untuk membantu rakyat khususnya rakyat di kawasan luar bandar iaitu kaum tani di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, yang kedua oleh sebab Bank Rakyat ini terutamanya tidak begitu jujur kita dapati bahawa Bank Rakyat ini sudah rugi sebanyak \$65 juta lebih. Selama

bank itu telah ditubuhkan, apa yang saya patut sebutkan di sini ialah Kerajaan patutlah mengambil ahli dari Bank Rakyat itu memasuki Jawatankuasa Odit ataupun Public Accounts Committee. Saya fikir ahli dari Bank Rakyat itu amatlah perlu menjadi ahli dalam Public Accounts Committee kerana apa-apa perkara yang ada berlaku di dalam bank itu kita dapati supaya bank itu dapat berjalan dengan sebaik-baiknya iaitu dalam masa yang akan datang dan saya harap bahawa Pengerusi ataupun Timbalan Pengerusi dalam Bank Rakyat itu patut menjadi ahli Public Accounts Committee. Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat menimbangkan apa yang saya sentuh di sini.

Tuan Pengerusi: Adakah Ahli lain yang hendak berucap?

Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Jerai!

Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali: Ahli dari Nilam Puri.

Tuan Pengerusi: Sila.

6.28 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya ingin turut mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Kepala P. 31 untuk Perbendaharaan bagi meluluskan pinjaman sebanyak \$55 juta kepada Bank Rakyat.

Saya fikir sudah sepatutnyalah pihak Kerajaan memberikan bantuan kepada Bank Rakyat untuk memulihkan perjalanan Bank Rakyat yang menjadi harapan dan tumpuan kepada seluruh rakyat di dalam negara kita ini.

Saya tidak hendak mengambil bahagian yang panjang, cuma satu perkara yang saya sukakan timbulkan di sini, di dalam Dewan yang mulia ini setelah Bank Rakyat mendapat bantuan daripada Kerajaan untuk pemulihannya, saya berharap supaya pihak Pengurusan Bank Rakyat akan dapat menjalankan pentadbirannya dengan lebih sempurna dan baik lagi pada masa yang akan datang dan berharap supaya penyata kira-kira dan laporan

Bank Rakyat selama ini yang telah ketinggalan, saya percaya sudah banyak tahun tidak dilaporkan kepada seluruh ahli-ahli di dalam negara ini yang lebih daripada 20,000 orang akan dapat diedarkan kepada ahli-ahlinya dengan seberapa segera yang boleh. Saya fikir.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat suka hendak menyambung esok?

Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali: Tidak ada lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sebab waktu sudah sampai.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali: Cuma satu sahaja, saya fikir sudah sampai masalah pihak Pengurusan akan melaporkan apa juga perkara yang berlaku di dalam Bank Rakyat selama ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Perbahasan akan disambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 27hb Jun, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.